

**SEJARAH PENGHIJRAHAN DAN PETEMPATAN  
ORANG MINANGKABAU DI  
NEGERI SEMBILAN**

**ABU TALIP BIN RAMLI**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DENGAN KEPUJIAN**


**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2001**

**PENGAKUAN**

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

**30 November 2001**



**Abu Talip bin Ramli**

**Y 08941**

## PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih serta penghargaan kepada penyelia kertas projek ini Prof. Madya Dr. Nik Anuar bin Nik Mahmud di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Serta kepada semua pensyarah – pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Kepada isteri dan anak-anak tercinta yang sanggup berkorban, Siti Mashitah binti Abdul Rahman, Nurhelmiah binti Abu Talip, Nurfarhin binti Abu Talip, Mohammad Nazim Al-Hafizd bin Abu Talip dan Muhammad Al-Qusyairi bin Abu Talip. Serta tidak dilupakan kepada ayah dan bonda Ramli bin Abu Bakar dan Allahyarhamah Che Mah binti Jais. Ucapan terima kasih juga kepada Tuan Haji Mohammad Jan bin Othman, Tuan Haji Muhammad Tainu dan Dato'-dato' batin orang asli di Jelebu. Tidak lupa juga kakitangan perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, kakitangan perpustakaan Seremban, Negeri Sembilan, kakitangan Muzium Negeri Seremban dan pada semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan, bantuan dan tunjuk ajar.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tentang sejarah penghijrahan , petempatan dan perkembangan masyarakat Minangkabau di daerah rantainya di Negeri Sembilan. Skop kajian yang cuba dijelaskan meliputi latar belakang sejarah awal Negeri Sembilan, latar belakang masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, asal-usul kedatangan, faktor-faktor penghijrahan, proses penghijrahan dan peranan serta pengaruh mereka sebagai kumpulan penghijrah terhadap masyarakat tempatan. Kajian ini juga akan cuba mengfokuskan tentang sejarah perkembangan integrasi masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan, yang mana dilihat Adat Perpatih itu diterima dan diamalkan oleh masyarakat di Negeri Sembilan sehingga ke hari ini. Malahan adat dan tradisi itu dipertahankan dan menjadi kebanggaan masyarakat di negeri ini. Hubungan yang rapat antara Tanah Melayu dengan Pulau Sumatera tidak pernah terputus walaupun kepulauan Melayu ini diduduki dan dipecah-pecahkan sempadan politik oleh penjajah Barat. Tradisi merantau yang menjadi pegangan masyarakat Minangkabau menjadi tali pengikat yang kuat dalam hubungan serumpun dan serantau itu. Pepatah ada menyebut air dicincang tidak akan putus. Malahan kehadiran penjajah barat telah menjadi pendorong terhadap kehadiran, penerokaan dan pembukaan kawasan di seluruh perosok rantau di Negeri Sembilan. Pemilihan Negeri Sembilan sebagai fokus daerah rantau Minangkabau adalah kerana negeri ini menjadi tumpuan utama masyarakat Minangkabau membuka petempatan berbanding dengan negeri lain di Malaysia. Kajian sejarah penghijrahan dan petempatan orang Minangkabau di Negeri Sembilan ini adalah bermatlamat untuk menambahkan lagi sumber serta maklumat kajian ini dan memantapkan lagi fakta-fakta yang sedia ada dalam konteks penulisan sejarah khususnya di Negeri Sembilan. Penulisan ini merupakan satu usaha untuk memaparkan dan mengetengahkan sejarah kegiatan masyarakat tempatan.



## KANDUNGAN

	Halaman
<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v – vi
<b>SENARAI PETA</b>	vii
<b>SENARAI FOTOGRAFI</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	ix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>KERTAS CADANGAN</b>	xi – xvi
<b>1.0 PENDAHULUAN</b>	1
<b>2.0 LATAR BELAKANG SEJARAH</b>	
2.1 Latar belakang sejarah awal dan pembentukan Negeri Sembilan.	2 - 5
2.2 Penduduk asal Negeri Sembilan	6 - 7
2.3 Latar belakang sejarah sosial dan geografi Minangkabau.	8 - 10
<b>3.0 FAKTOR-FAKTOR PENGIJRAHAN ORANG-ORANG MINANGKABAU</b>	
3.1 Tradisi merantau	11 - 16
3.2 Faktor politik	17 - 18
3.3 Faktor ekonomi	19

3.5	Faktor kegemilangan kerajaan Melayu Melaka	21
3.6	Faktor penerimaan masyarakat tempatan	22
<b>4.0</b>	<b>PENHIJRAHAN DAN PETEMPATAN ORANG-ORANG MINANGKABAU DI NEGERI SEMBILAN</b>	
4.1	Sejarah awal penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan	23 - 30
4.2	Proses dan cara-cara penghijrahan dan pembukaan petempatan.	31 - 36
4.3	Kedatangan putera raja Minangkabau	37 - 38
<b>5.0</b>	<b>PENEROKAAN DAN PERKEMBANGAN ORANG MINANGKABAU DI LUAK JELEBU.</b>	
5.1	Penerokaan awal.	39 - 45
5.2	Penglibatan orang Minangkabau dalam politik, Pentadbiran, sosial dan ekonomi.	
5.2.1	Penglibatan orang Minangkabau dalam politik dan pentadbiran.	46 - 64
5.2.2	Penglibatan orang Minangkabau dalam sosial dan ekonomi.	65 - 74
	<b>KESIMPULAN</b>	75 - 76
	<b>RUJUKAN</b>	77 - 81
	<b>SENARAI RESPONDEN</b>	82 - 84
	<b>LAMPIRAN</b>	83 - 90

## SENARAI PETA

No. peta		Halaman
Peta 1	Peta lakar d'Eredia (1613) menunjukkan Rambau (Rombo) dan kerajaan Minangkabau. (Regiam de Monancabos )	3
Peta 2	Peta Negeri Sembilan	5
Peta 3	Peta menunjukkan Alam Minangkabau yang mengandungi daerah induk dan daerah rantainya.	12
Peta 4	Pola pergerakan penghijrah ke Rambau pada zaman awal abad 13 ( 1260 )	25
Peta 5	Pola pergerakan penghijrah ke Rambau dari abad ke 13 hingga 16.	26
Peta 6	Sungai Linggi dan kawasan sekitarnya.	32
Peta 7	Peta menunjukkan Melaka dan sebahagian daripada Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang dalam tahun 1875.	35
Peta 8	Mukim-mukim di daerah Jelebu.	41

**SENARAI FOTOGRAFI**

No. Fotograf		Halaman
Foto 1	Makam Sheikh Ahmad Majnum di Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson	28
Foto 2	Batu-batu megalith di kompleks permakaman Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson.	29
Foto 3	Sungai Linggi dan kesan-kesan pelabuhan Pengkalan Kempas.	33
Foto 4	Makam Moyang Salleh, Undang Luak Jelebu yang pertama.	48
Foto 5	Cop Mohor Dato' Penghulu Jelebu yang dikurniakan oleh Sultan Johor.	51
Foto 6	Istiadat mengadap Dato'-dato' Lembaga kepada Dato' Undang.	56
Foto 7	Istiadat mengadap Dato'-dato' Lembaga kepada To' Puan	56
Foto 8	Balai Melintang	61
Foto 9	Balai Astaka	61
Foto 10	Balai Penghadapan.	62
Foto 11	Balairong Seri.	62

**SENARAI RAJAH**

No. Jadual		Halaman
Rajah 1	Salasilah ketua-ketua orang asli di luak-luak Sungai Ujung,Jelebu dan Johol.	42
Rajah 2	Salasilah persemendaan antara orang-orang Minangkabau dengan penduduk tempatan di Jelebu.	45
Senarai 1	Senarai nama undang yang memerintah Luak Jelebu dari tahun 1757 hingga sekarang.	53
Rajah 3	Pengelompokan ahli masyarakat adat di Jelebu	66
Rajah 4	Struktur paradigmatic hairiki politik tradisi Jelebu.	67

**SENARAI SINGKATAN**

<b>bil.</b>	<b>:</b>	<b>bilangan</b>
<b>dll</b>	<b>:</b>	<b>dan lain-lain</b>
<b>JIAEA</b>	<b>:</b>	<b>Journal of the Indian Archipelago and East Asia.</b>
<b>JMBRAS</b>	<b>:</b>	<b>Jour of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</b>
<b>JSBRAS</b>	<b>:</b>	<b>Journal of the Straits Branch Royal of the Asiatic Society</b>
<b>PMS</b>	<b>:</b>	<b>Papers on Malay Subjects</b>
<b>No.</b>	<b>:</b>	<b>Nombor</b>
<b>Vol.</b>	<b>:</b>	<b>Volume</b>

## **PENDAHULUAN**

Sejarah Sosial atau Social History merupakan satu kajian tentang masa lalu atau lampau, ia menumpukan keperihatinan sosial. Apabila sejarah sosial menjadi satu skop atau bidang kajian, maka timbullah pelbagai reaksi tentang masalah dan cabaran hidup, gaya hidup (life-style), persepsi nilai dan pelbagai pengalaman hidup orang biasa. Pada kebiasaannya, aktiviti sejarah sosial melibatkan kepada perubahan keseluruhan pola kehidupan sosial dalam masyarakat. Penjelasan lanjut tentang konsep, teori dan metode pendekatan sejarah sosial boleh lihat Athur Stinchcombe, *Theoretical Methods in Social History*, 1978 dan juga G.M. Trevelyan, *English Social History*, Penguin Book, London, 1962.

Usaha-usaha penyelidikan dan penulisan sejarah sosial di Malaysia telah mula berkembang dan mula memberi perhatian tentang pergerakan suku bangsa atau etnik Melayu dari kepulauan Nusantara yang sekarang ini terangkum di dalamnya Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunai dan Filipina. Penulisan sejarah sosial ini makin berkembang dan ia telah memperkayakan lagi sumber maklumat dan rujukan bagi tatapan dan kepentingan sejarah itu sendiri. Sebagaimana dalam abad ke 15 sebelum kedatangan penjajahan barat hubungan dagang dan diplomatik antara kerajaan adalah sangat rapat, terutamanya dalam kontek hubungan Sumatera dan Tanah Melayu. Oleh itu hubungan itu akan diteliti dan dihuraikan sebagai bahan sejarah.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk melihat sejauhmanakah faktor-faktor sosial, politik, ekonomi dan faktor tolakan serta faktor tarikan yang lain mempengaruhi kedatangan orang Minangkabau ke Tanah Melayu amnya dan Negeri Sembilan khususnya. Turut dibincangkan ialah proses dan cara yang digunakan oleh mereka untuk sampai ke kawasan tersebut. Tujuan kajian ini juga untuk melihat proses pembukaan kawasan petempatan dan integrasi orang-orang Minangkabau dengan masyarakat setempat.

### **SKOP KAJIAN**

Skop kajian meliputi jangkamasa dari abad ke 15 hingga abad ke 19, di mana dalam tempoh masa tersebut dapat dilihat pergerakan penghijrahan tersebut berlaku. Fokus kajian ialah terhadap orang-orang Minangkabau yang mendiami Sumatera Barat dan merekalah yang telah meneroka masuk dan membuka petempatan di Negeri Sembilan. Kawasan kajian merangkumi pulau Sumatera iaitu daerah sebelah barat dan kawasan Negeri Sembilan sebagai tempat daerah rantau bagi orang Minangkabau. Daerah-daerah dalam Negeri Sembilan akan difokuskan mengikut kepentingan dan kesan petempatan orang Minangkabau itu sendiri. Tegasnya Negeri Sembilan dipilih kerana menjadi tumpuan utama kepada orang Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini menekankan penghijrahan orang-orang Melayu khususnya orang-orang Minangkabau dari Sumatera Barat ke daerah rantainya Negeri Sembilan, yang merupakan penghijrahan atau perpindahan yang berlaku dalam satu daerah budaya yang sama, iaitu Alam Melayu. Oleh hal yang demikian, penelitian akan dibuat berdasarkan sejauhmanakah kehadiran orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor tolakan dan tarikan. Justeru itu perhatian khusus akan difokuskan kepada tradisi merantau yang merupakan tradisi penting bangsa Melayu sejak dahulu lagi. Tradisi merantau perlu diberi penekanan dari segi konsep, pengertian dan pengalaman kerana ia sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu di Minangkabau dan di Negeri Sembilan dari dahulu sehingga ke hari ini.

Selain itu kajian ini cuba menghuraikan faktor-faktor berlakunya penghijrahan di kalangan orang Minangkabau yang meliputi aspek sosial, ekonomi, politik dan keagamaan. Faktor-faktor ini dianggap penting kerana ia mempengaruhi pergerakan dan pembukaan petempatan orang Minangkabau di Negeri Sembilan. Kalau dilihat dari sudut geografinya kedudukan Pulau Sumatera dan Negeri Sembilan di Semenanjung Tanah Melayu telah membantu pergerakan tersebut.

Kajian ini juga akan cuba menyingkap bagaimanakah orang-orang Minangkabau mendarat, meneroka dan membuat petempatan di daerah-daerah rantainya di Negeri Sembilan. Perkara ini diberi perhatian kerana proses dan kaedah



atau cara penghijrahan, pembukaan petempatan dan penerokaan yang dilakukan oleh mereka ini telah mempengaruhi dan meninggalkan kesan ke atas petempatan yang diwujudkan.

Matlamat seterusnya ialah membincangkan sejauhmanakah adat dan identiti yang dikenali dengan Adat Perpatih itu dapat diterapkan ke dalam masyarakat sekitarnya. Dalam konteks ini bermakna proses integrasi, cara kehidupan dan sistem kepimpinan orang Minangkabau di Negeri Sembilan akan turut diperjelaskan. Melihat kepada sistem kepimpinan mereka juga perlu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kejayaan di setiap petempatan yang didirikan. Justeru itu, penerimaan kepimpinan mereka oleh masyarakat tempatan menggambarkan kesesuaian dan keserasian adat, cara kehidupan dan budaya yang dibawa oleh mereka.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Untuk menyempurnakan kertas projek ini terdapat tiga kaedah yang dipilih iaitu:

- a. Kaedah penyelidikan melalui bahan bacaan
- b. Kaedah pemerhatian
- c. Kaedah temuramah

a. Kaedah Penyelidikan melalui bahan bacaan

Kaedah ini merupakan satu kaedah penting yang digunakan untuk mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan. Sumber ini diperolehi sama ada dalam bentuk rasmi atau telah dicetak dan diterbitkan seperti buku, majalah, jurnal, peta, surat, kertas kerja dan fail-fail rasmi. Sumber-sumber ini boleh didapati di perpustakaan, arkib, muzium, pejabat-pejabat kerajaan dan orang-orang perseorangan. Sebahagian besar daripada keperluan dan keterangan-keterangan untuk menyempurnakan tugas ini adalah melalui bahan-bahan bacaan yang dinyatakan di atas. Melalui bahan bacaan tersebut juga memberi fakta-fakta yang relevan sebagai material untuk mengolah, menjelaskan, membuat perbandingan dan memperkukuhkan pendapat terhadap setiap persoalan-persoalan yang diutarakan. Malah bahan-bahan bacaan yang digunakan dapat membuktikan data-data dan butiran yang diperolehi dalam bentuk temuramah itu tidak kabur.

b. Kaedah pemerhatian

Kaedah ini merupakan satu lagi kaedah yang digunakan untuk menyokong data-data dan fakta-fakta yang diperolehi dari suatu bacaan atau lisan. Berdasarkan kesan-kesan sejarah yang masih wujud hingga kini dapat membantu membuat penafsiran yang logik dengan penggabungan dari kaedah-kaedah yang dinyatakan. Kaedah pemerhatian ini boleh dilakukan dengan membuat lawatan ke tapak-tapak bersejarah seperti tapak perkuburan, pelabuhan, istana, balai-balai dato undang, perkampungan tradisional dan sebagainya. Tempat-tempat dan kawasan ini dapat menjelaskan kebenaran dan kedudukan sejarah itu sendiri.

c. Kaedah temuramah

Kaedah temuramah digunakan untuk mendapat gambaran peristiwa-peristiwa yang berlaku iaitu peristiwa penghijrahan dan pembukaan petempatan serta penglibatan mereka dalam pentadbiran, sosial dan ekonomi. Untuk memastikan kebenaran dan kesahihan sumber-sumber yang diperolehi daripada responden, maka ‘cross – examine’ dengan responden lain telah dijalankan.

### **KAEDAH PENGHURAIAN PENULISAN**

Sebuah kerja projek yang berkesan ialah penulisan yang mempunyai berbagai-bagai keterangan. Terkandung di dalam sebuah penulisan itu ialah mengemukakan fakta-fakta dan bukti-bukti, keterangan, memuatkan pendapat-pendapat, saranan-saranan yang bersifat implementatif dan kesimpulan yang bersifat konklusif. Kesemua keterangan ini perlulah diberi kedudukan yang jelas (eksplisit), tidak dicampur aduk.

Struktur penulisan yang dikemukakan terdiri daripada bahagian pendahuluan, isi atau penghuraian dan penutup/kesimpulan. Bahagian pendahuluan memperkenalkan secara implisit dan eksplisit akan isu atau persoalan yang menjadi tajuk penulisan yang telah dipilih. Bahagian ini akan memperlihatkan perkaitan yang rapat dengan judul penulisan supaya pembaca dapat tahu dengan cepat akan isu, aspek, butiran dan pendekatan yang bakal diketengahkan. Bahagian isi pula membincangkan judul yang menjadi fokus penulisan secara mendalam. Dalam bahagian ini dimuatkan fakta, pandangan, ulasan, pendapat, hujah, peta dan contoh serta perbincangan problematik secara terperinci dan tepat. Bahagian kesimpulan pula mengisi ikhtisar yang ringkas mengenai inti persoalan dan inti kesimpulan.

Penulis akan menggunakan penulisan yang berbentuk penjelasan. Melalui bentuk penjelasan ini penulis akan mengemukakan fakta dan idea yang berkaitan dengan tajuk. Ia bermula dengan definisi dan diikuti dengan penerangan tentang 'bagaimana' berlakunya penghijrahan, penerokaan dan pembukaan petempatan orang-orang Minangkabau itu berlaku. Penulis juga akan cuba untuk menerangkan tentang sesuatu proses, yakni bagaimana proses penghijrahan itu berlaku. Ini dapat dilakukan dengan memberi huraian itu secara tertib mengikut perkembangan atau urutan waktu. Disamping itu cara penulisan berbentuk penjelasan cara sebab dan akibat juga turut digunakan. Ia dimulakan dengan membentangkan fakta-fakta 'sebab' dan menunjukkan bagaimana fakta-fakta itu mencetuskan 'akibat'. Dalam konteks tajuk penulisan yang telah dipilih penulisan fakta sebab akan menunjukkan akibat, yakni fakta penghijrahan menyebabkan pembukaan daerah rantau di Negeri Sembilan serta perkembangan sosial dan politiknya.

Disamping itu penulisan berbentuk hujahan juga diguna pakai, ini perlu kerana penulis cuba mengemukakan kenyataan, pendapat dan usul yang mahu diterima oleh pembaca. Kenyataan ini mungkin berupa dakwaan, pernyataan dan gagasan. Bentuk penulisan ini sangat erat dengan penulisan berbentuk penjelasan. Penulis akan mengemukakan bukti-bukti dalam susunan atau urutan yang khusus.

Oleh itu untuk menghasilkan satu penulisan yang baik perlu ada gabungan beberapa bentuk penulisan baik dalam bentuk penjelasan, descriptive, hujahan atau laporan. Disamping itu ciri-ciri dalaman penulisan itu sendiri seperti kesatuan, pertautan, penekanan dan gaya penulisan juga perlu diambil perhatian agar persembahan penulisan itu lebih ilmiah, tersusun dan mudah dibaca.

### MASALAH KAJIAN

Sebuah kajian projek yang terbaik bermula dari usaha-usaha mengumpul maklumat, fakta-fakta dan data-data yang sahih dan relevan sesuai dengan tajuk yang diutarakan. Justeru itu, pelbagai masalah telah dihadapi oleh penulis untuk mencari, mengumpul dan meneliti setiap maklumat yang diperlukan. Ini termasuklah masalah mendapatkan bahan-bahan bacaan, masalah responden dan masalah peribadi yang meliputi kekangan masa, jarak ketersampaian dan kepelbagai tanggungjawab.

Masalah mendapatkan sumber dan bahan bacaan melibatkan usaha-usaha dan kerja-kerja mengumpulkan maklumat. Faktor jarak dan darjah kesampaian penulis ke punca sumber --sumber tersebut iaitu perpustakaan dan tapak-tapak bersejarah memerlukan kepada pengorbanan dan perancangan yang rapi.

Mengenai responden pula terdapat masalah untuk menentukan dan memastikan responden yang benar-benar mengalami peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan tajuk yang diketengahkan. Masalah yang dihadapi ialah untuk mendapat kerjasama dan sokongan dari responden. Malah terdapat pula responden yang mengalami masalah keuzuran, kurang daya pendengaran dan daya penglihatan.

Walau bagaimanapun penulis telah cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah yang timbul. Perancangan yang rapi dan teliti merupakan penentu kejayaan penulisan kertas projek ini. Oleh itu, pengurusan masa yang bersistematik dapat menjamin kelancaran usaha-usaha menyiapkan tugas ini.

### **PENUTUP**

Penulis berharap usaha penulisan kertas projek ini mendapat kejayaan sebagaimana yang diharapkan. Melalui penulisan ini penulis cuba mengungkap , menghuraikan dan mendedahkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Moga melalui usaha yang kecil ini akan menambah dan memperkayakan lagi koleksi sejarah terutamanya sejarah sosial di Negeri sembilan. Usaha yang sebegini rupa juga mampu untuk menarik minat para pelajar untuk membuat kajian dan penulisan yang ilmiah, disamping menarik minat pelajar untuk terus menulis dan memantapkan kecintaan terhadap sejarah tanah air sendiri.

## 1.0 PENDAHULUAN

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang unit dari segi sejarahnya berbanding dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia. Gelaran bagi Negeri Sembilan ialah Darul Khusus yang bererti negeri yang mempunyai kelebihan istimewa, sesuai dengan keunikan negeri ini. Pembentukan negeri ini adalah cantuman daripada sembilan buah luak atau daerah yang pada asalnya berasingan yakni berdiri sendiri-sendiri sebagai sebuah pemerintahan. Bagaimanapun sehingga ini belum dapat dipastikan dengan tepat tentang manakah satu daripada sembilan daerah atau luak itu dikatakan sebagai Negeri Sembilan.

Sejarah awal Negeri Sembilan pada zaman awal masih gelap. Negeri Sembilan tidak mempunyai catatan bertulis, apatah lagi sebuah *magnum opus* seperti kerajaan Melayu Melaka iaitu Sulalatus Salatin ( Peraturan Segala Raja) atau Sejarah Melayu. Oleh hal yang demikian, sejarawan tidak dapat mencari satu garis panduan yang konkrit untuk membina sejarah kerajaan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun bukanlah bermakna Negeri Sembilan tidak mempunyai langsung tentang sejarah awalnya. Kita boleh dapati sejarah Negeri Sembilan awal ada tersirat dalam sastera lisan berbentuk puisi bebas, iaitu perbilangan adat.<sup>1</sup>

Kehadiran orang Minangkabau di negeri ini sudah terbukti oleh sejarah, di mana suku bangsa ini telah datang ke Negeri Sembilan pada masa pemerintahan kerajaan Melayu Melaka dalam abad yang ke 15 dahulu lagi. Kehadiran mereka ke daerah-daerah di Negeri Sembilan telah dapat diterima oleh masyarakat tempatan. Malah kebudayaan Minangkabau khususnya budaya adat mereka yang dikenal sebagai Adat Perpatih telah diterima pakai. Kedatangan orang-orang suku Melayu Minangkabau itu telah dapat mempengaruhi budaya tradisi penduduk tempatan. Jika diteliti perkembangan selanjutnya, hal-hal yang berhubung dengan sistem adat , kepimpinan, ekonomi dan sosial masyarakat ini sebahagian besarnya turut berubah mengikut pengaruh baru yang dibawa oleh perantau Minangkabau itu. Akhirnya

---

<sup>1</sup> Perbilangan adat adalah sastera puisi dan berbentuk lisan. Sebagai karya sastera – budaya lisan primer berbentuk puisi, perbilangan adat menggunakan pelbagai gaya bahasa untuk menyampaikan maksudnya. Antara gaya bahasa yang digunakan ialah gaya antitesis dan repitisi yang terpecah pula kepada gaya epizeuksis, anastrofa dan simploks; gaya retosir yang meliputi jenis aliterasi, ansonansi dan hiperbol; serta gaya bahasa kiasan yang terdiri daripada aspek-aspek metafora, personifikasi dan simili.

sistem Adat Perpatih yang telah disesuaikan dengan budaya tempatan telah menjadi cara hidup masyarakat di negeri ini.

## **2.0 LATAR BELAKANG SEJARAH NEGERI SEMBILAN DAN ALAM MINANGKABAU**

### **2.1 Sejarah awal Negeri Sembilan**

Negeri Sembilan membawa erti sembilan daerah. Dalam bahasa Minangkabau disebut sembilan luak. Pembentukan negeri ini adalah cantuman daripada sembilan buah luak atau daerah yang pada asalnya adalah berasingan yakni berdiri sendiri-sendiri sebagai sebuah pemerintahan. Beberapa sejarawan berpendapat Negeri Sembilan belum wujud lagi dalam tempoh 1612 – 1636 yakni semasa Sejarah Melayu ditulis, kerana tidak ada sebarang rujukan mengenainya. Godinho De' Eredia pula tidak ada mencatatkan Negeri Sembilan di dalam peta yang dilukisnya dalam tahun 1613. Begitu juga Dagh Register tidak ada menyebut mengenai Negeri Sembilan di dalam jurnal Belanda tahun 1682. Para sejarawan menganggap Negeri Sembilan diwujudkan dalam tahun 1773 apabila Raja Melewar ditabalkan sebagai Yamtuan Negeri Sembilan.

Pengkaji-pengkaji sejarah seperti J.E.Nathan dan R.O.Winstedt membahagikan pentadbiran di Negeri ini kepada tiga period iaitu :

- i. Peringkat awal abad apabila negeri itu dibahagikan kepada empat negeri Sakai iaitu Sungai Ujung, Klang, Jelebu dan Johol.
- ii. Peringkat kedua atau peringkat peralihan iaitu jangka waktu pertengahan di mana keempat-empat buah negeri Sakai tersebut diganti dengan sembilan buah negeri yang diperintah oleh orang-orang Minangkabau tetapi dibawah kuasa Johor.
- iii. Peringkat ketiga iaitu jangka waktu moden apabila sembilan negeri Minangkabau itu membentuk kerajaan sendiri dengan perlembagaan





bebas dibawah raja mereka sendiri bergelar Yang di- Pertuan Besar Yamtuan.<sup>2</sup>

Gabungan sembilan negeri sebelum ini terdiri daripada Sungai Ujung,Jelebu,Johol,Rembau,Jelai (kemudian Inas), Kelang, Naning, Segamat dan Ulu Pahang. Akibat dari pergolakan politik penjajah telah memaksa perpecahan pentadbiran ke atas sembilan negeri itu. Tahun 1789, Belanda mengambil Naning (Melaka) dan Bugis mengambil Kelang (Selangor). Segamat pula terlepas daripada pegangan Penghulu Luak Jempol yang kemudiannya menyertai Johor. Sebahagian Ulu Pahang masuk ke negeri Pahang dengan meninggalkan Kenaboi kepada Luak Jelebu.


Menjelang tahun 1895, perlembagaan negeri telah menetapkan negeri-negeri yang bergabung dalam Negeri Sembilan ialah Sungai Ujong,Jelebu, Johol ( termasuk Inas), Rembau, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Lima luak iaitu Ulu Muar, Jempol, Terachi , Gunung Pasir dan Inas dikenali dengan ‘ Luak Tanah Mengandung’. Luak-luak ini ditadbir oleh Penghulu-penghulu luak. Kedudukan lima luak ini berpusat di istana Seri Menanti, Kuala Pilah. Manakala luak Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau. termaktub dalam perlembagaan sebagai ‘Undang Yang Empat”. Luak-luak ini ditadbir oleh Dato’-dato’ Undang,<sup>3</sup> berpusat di balai Undang. Salah satu kuasa ‘Undang Yang Empat’ ialah melantik Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.

Perwilayahan moden dan tradisi pada daerah-daerah tertentu mempunyai sempadan bersama ,dan pada daerah-daerah lain sempadan luak melampaui daerah moden atau sebaliknya. Luak Jelebu hari ini mempunyai sempadan yang sama dengan daerah Jelebu. Sebelum kedatangan Inggeris, kawasan yang berhampiran dengan sempadan daerah Jelebu-Seremban juga terlingkung di bawah tadbiran Luak Jelebu. Bagi Luak Sungai Ujung sebahagian besar kawasannya terletak dalam daerah Seremban. Beberapa petempatan di kawasan daerah Port Dickson yang berhampiran dengan daerah Seremban seperti rantau adalah sebahagian daripada Luak Sungai Ujung. Manakala sempadan Luak Rembau sekarang bersamaan dengan sempadan

<sup>2</sup> Lihat Abdul Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Hj. Muhammad Tainu & Dharmala N.S. 1994. Negeri Sembilan gemuk dipupuk, segar bersiram – Luak Tanah Mengandung. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Hlm. 8.

<sup>3</sup> Dato’ Undang adalah kuasa tertinggi di dalam sesuatu luak atau daerah adat di Negeri Sembilan. Luak adalah paras tertinggi integrasi politik dalam sistem politik adat. Kedudukan Dato’ Undang pada setiap luak yang berkenaan itu adalah sama seperti status raja di negeri-negeri Melayu lain.





Peta 2. Peta Negeri Sembilan



daerah Rembau. Sebelum tahun 1842 Luak Tampin<sup>4</sup> pada hakikatnya bukanlah sebuah luak tradisi ,ia adalah luak baru ciptaan Inggeris. Luak Johol pula terletak sebahagiannya dalam daerah Kuala Pilah dan sebahagian yang lain dalam daerah Tampin. Luak Gunung Pasir, Inas, Terachi dan Seri Menanti terlingkung dalam daerah Kuala Pilah. Luak Jempol mempunyai sempadan yang bertindih lapis dengan daerah Jempol kini.

## 2.2 Penduduk asal Negeri Sembilan.

Sebelum Negeri Sembilan diwujudkan atau sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau khususnya pada abad ke 16, negeri ini telah sedia didiami oleh penduduk peribumi yang terdiri dari ‘Sakai’ Semang dan Jakun.<sup>5</sup> Newbold pula mengakui bahawa sebelum kedatangan orang Minangkabau, kawasan di pedalaman seperti di Rembau dan Naning telah diduduki oleh “Rayet Utan”.<sup>6</sup> Zakiah Hanum menulis dalam asal-usul Negeri Sembilan menyatakan penduduk asli Negeri Sembilan terdiri daripada orang asli yang dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Biduanda, Besis dan Jakun. Negeri Sembilan pada waktu itu mempunyai bilangan penduduk yang tidak ramai, dengan kebanyakan mereka hidup berpindah randah.

Miklucho-Maclay<sup>7</sup> pada awal tahun 1870an pernah melawat dan tinggal bersama beberapa puak orang Jakun di Negeri Sembilan ,beliau mengistilahkan orang Jakun ini sebagai orang Asli Jinak. Beliau melaporkan keadaan masyarakat mereka yang daif, berbanding dengan orang Melayu lain. Manakala Cole<sup>8</sup> pula telah menjalankan penyelidikan lapangan di kalangan orang asli, termasuk Jakun pada sekitar akhir tahun 1930an. Berdasarkan kajian tersebut beliau menulis bahawa

<sup>4</sup> Luak Tampin tidak dianggap sebagai luak adat tradisi kerana ianya adalah luak baru yang diwujudkan di sekitar tahun 1830an. Sebelum itu, apa yang dianggap Luak Tampin hari ini adalah sebahagian dari Luak Rembau. Luak Tampin tidak mempunyai Undang ataupun Penghulu ,tetapi mempunyai Tunku Besar sebagai pemimpin.

<sup>5</sup> Istilah Jakun ini berasal daripada perkataan Indo-China: jah-kun yang bermaksud lelaki (Wilkinson,1955:437).Mengikut Teuku Iskandar pula Jakun adalah berasal daripada bahasa Minangkabau yang bererti halkum (1986:431).

<sup>6</sup> Newbold dalam penulisannya pada tahun 1834 telah menyamakan rakyat hutan dengan Jakun.Katanya: ‘rayet utan or Jacccons; tetapi apabila artikel yang sama diterbitkan semula dalam tahun 1839 beliau telah meninggalkan kata ‘or jacccons’. Ini bermakna Newbold mengakui bahawa Jakun itu adalah satu puak rakyat hutan. Pengakuan ini telah dibuat pada para akhir,katanya: The Jakuns ( a tribe of the Rayet Utan) .... ( 1839:77).

<sup>7</sup> Miklucho-Maclay,N.Von. 1878. Ethnological Excursion in the Malay Peninsula November 1874 to October 1875. Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society.2. Hlm. 205-221.

<sup>8</sup> Cole, Fay-Cooper. 1966. The people of Malaysia . New York: D. Van Norstrand Co. Inc.

perkembangan orang Jakun terletak di tebing-tebing sungai kecil, berselerak dan tidak tersusun. Rumah-rumah mereka kecil, bertiang tinggi dan mempunyai sebuah bilik sahaja.

Para penghijrah Minangkabau sendiri telah membuat pengakuan tentang adanya penduduk asli di Negeri Sembilan pada masa sebelum dan ketika mereka sampai ke Negeri Sembilan. Pengakuan tersebut dibuat dalam terombo<sup>9</sup> atau perbilangan asal-usul mereka. Terombo itu berbunyi :

*Gagak hitam , gagak senoi,  
Turun dari bukit , berkaki empat.  
Bangau putih,  
Datang dari laut , berkepak sayap.*

Terombo diatas dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menjelaskan tentang penduduk tempatan semasa kedatangan penghijrah Minangkabau. Para pengkaji adat dan sejarah membuat tafsiran bahawa ungkapan 'gagak hitam' dan 'gagak senoi' dalam perbilangan tersebut bermaksud orang asli. Perkataan bukit pula menunjukkan tempat tinggal orang asli itu di kawasan hutan atau bukit di pendalaman. Bahagian kedua perbilangan tersebut memperihalkan tentang kedatangan orang Minangkabau. Mereka ini dilambangkan sebagai 'bangau putih' , datang dari arah laut yakni Selat Melaka. Kedatangan mereka 'berkepak sayap' mungkin menggunakan perahu layar.<sup>10</sup>

Apabila perantau Minangkabau yang lebih bertamadun datang ke Negeri Sembilan mereka dapat mempengaruhi orang-orang asli ini dan mereka nikah kahwin atau bersemenda menyemenda di antara mereka. Hasil dari perkahwinan inilah bermulanya asalnya suku yang dipanggil Biduanda.<sup>11</sup> Winstedt menyatakan bahawa orang Jakun itu telah diislamkan oleh penghijrah Minangkabau. Kumpulan orang-orang Jakun yang telah menganut agama Islam dan hidup di dalam perkampungan orang Minangkabau itu digelar 'orang Biduanda'. Mengikut Winstedt , istilah Biduanda telah digunakan oleh sultan Melaka terhadap keturunan anak raja (bangsawan) dari sebelah ibu. Beliau juga berpendapat bahawa Biduanda itu adalah

<sup>9</sup> Terombo mengikut kamus Dewan bermaksud sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo dan riwayat ( 1986:1248). Mohd Din Ali mengertikannya sebagai gurindam asal usul ( 1957:3)

<sup>10</sup> Lihat juga Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. Negeri Yang Sembilan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hlm. 31-42.

<sup>11</sup> Biduanda adalah bahasa halus yang digunakan kepada saudara baru Islam pada zaman Kesultanan Melaka (Winstedt, 1934:43 dan Wilkinson , 1955: 137-138).

pembesar-pembesar Melaka yang dihantar ke negeri-negeri kecil di daerah-daerah jajahan takluknya sebagai pemerintah.<sup>12</sup>

Sejarah Melayu pula menyebut, “...maka segala anak menteri Cina yang lima ratus disuruh baginda Islamkan, disuruh diam di Bukit China dan anak cucu orang itulah dinamai **biduanda** China.”<sup>13</sup> Dari sudut perkembangan politik, pembesar-pembesar dari Melaka telah ditugaskan mengawal beberapa wilayah asal Negeri Sembilan. Contohnya Tun Perak ditugaskan ke Kelang (1440-1456) dan Tun Tukul memerintah Sungai Ujung (1456-1477). Ada kemungkinan keturunan dari pembesar-pembesar Melayu Melaka inilah yang berkahwin dengan anak ketua penduduk asli sehingga meninggalkan waris-waris keturunan sebagai raja dan menggelarkan diri sebagai ‘waris negeri’.

Melalui huraian yang diberikan jelaslah bahawa penduduk asal Negeri Sembilan adalah didiami oleh orang asli. Salasilah keturunan pembesar-pembesar di Negeri Sembilan sangat berkait rapat dengan ketua-tua orang asli. Oleh itu kependudukan semua wilayah di Negeri Sembilan bermula daripada orang asli. Bagaimanapun menjelang akhir abad ke 15 kependudukan di Negeri Sembilan telah berubah ekoran kehadiran penghijrah dari Minangkabau ke negeri ini.

### 2.3 Latar belakang sejarah sosial dan geografi Alam Minangkabau

Tanah Minang atau Alam Minangkabau merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian tengah pulau Sumatera Barat, Indonesia. Negeri ini telah lama wujud sebagai sebuah kerajaan berdaulat sejak berabad-abad yang lalu. Pusat pentadbirannya terletak di Pagar Ruyung. Pada asalnya orang Minangkabau itu bukanlah satu kelompok yang lain daripada orang Melayu. Semenjak bilakah kewujudan masyarakat Minangkabau ini? Mengikut cerita lagenda yang popular di kalangan masyarakat umum Minangkabau iaitu peristiwa adu kerbau antara pihak orang Pulau Perca (Sumatera) dengan pihak pendatang (Majapahit) yang berkesudahan kerbau orang Pulau Perca yang menang.

Semenjak itulah nama Melayu daerah Barat Sumatera itu bertukar menjadi ‘Minangkabau’ kerana mengambil sempena peristiwa kemenangan beradu kerbau itu.

<sup>12</sup> Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan, The History, Polity and Belief. JMBRAS. Vol XII. Hlm. 57.

<sup>13</sup> Shellabear, W.G.(ed). 1957. Sejarah Melayu. Singapore: Malaya Publishing House.

Cerita ini pula, jika benar-benar berlaku dapat dikaitkan dengan kedatangan satu ekspedisi yang dihantar oleh raja Singasari yang bernama Kertanegara. Ekspedisi itu yang pada mulanya bertujuan untuk menundukkan Melayu, akhirnya bertukar menjadi ekspedisi persahabatan.<sup>14</sup>

Tanah Minangkabau purba ialah bahagian yang terletak di dataran tinggi di antara barisan-barisan Bukit Barisan. Kawasan ini bermula dari kawasan sekitar lembah Merapi – Senggalang membawa ke Tandikat dan Sago yakni bahagian sebelah “daretnya”. Daerah tersebut berpecah tiga luhak dan disebut ‘Luhak Nan Tigo’, iaitu :

1. Luhak Tanah Datar, ibunya Batu Sangkar.
2. Luhak Agam, ibunya Bukit Tinggi
3. Luhak Limo Puluh Koto, ibunya Paya Kumbuh.

Luhak Tanah datar sebenarnya terletak di kawasan yang lebih tinggi dan berbukit, disinilah letaknya Pagar Ruyung. Luhak Agam terletak di bahagian yang tertinggi sekali, hinggalan Bukit Tinggi ibu luhak ini hawanya sangat dingin. Luhak Lima Puluh Kota terletak di dataran lebih rendah, rata dan luas, dipenuhi oleh sawah padi yang disela-sela oleh kawasan kampung. Pengkaji Minangkabau berpendapat luhak ini lebih besar maknanya kepada hubungan adat antara Negeri Sembilan dan Minangkabau kerana di luhak inilah terdapat nama-nama suku yang terdapat di Negeri Sembilan. Antara suku itu ialah Paya Kumbuh, Sari Lemak, Batu Balang, Simalanggang, Mungka (r) dan Batu Hampar.

Sebenarnya ‘Luhak Nan Tigo’ inilah yang merupakan kawasan asal orang Minangkabau. Orang-orang Minangkabau ini sejak zaman berzaman cenderung keluar dari kampung halamannya untuk mencari tempat kediaman yang baru. Amalan ini disebut sebagai ‘merantau’ iaitu salah satu institusi sosial yang unik dan tersendiri sifatnya. Amalan begini biasanya dilakukan oleh kaum lelaki yang keluar mencari harta di luar kawasan lengkungan tanah adat mereka. Hal ini disebabkan sistem sosial yang bersifat ‘matrilineal’ yang mana harta dan tanah pusaka dimiliki oleh orang perempuan. Justeru itu apabila mereka mendapat kediaman baru dan sempurna maka mereka akan balik ke kampung asal untuk membawa anak isteri dan kaum keluarga.

<sup>14</sup> Navis, A. A. 1986. Alam terkembang jadi guru, adat dan budaya Minangkabau. Jakarta: Pustaka Grafitipers. Hl. 10.

Ada pula di antara mereka yang berkahwin dengan wanita-wanita tempatan di tempat baru itu.

Amalan merantau ini membawa kepada ekspansi atau pengluasan kawasan demografi mereka. Kawasan petempatan baru ini mereka akan mengekalkan dan mengembangkan ciri-ciri kehidupan orang Minangkabau. Tempat-tempat petempatan baru ini dikenali sebagai “daerah rantau” Minangkabau, lama-kelamaan menjadi sebahagian dari nagari atau alam Minangkabau sendiri. Melalui hubungan tempat asal dengan daerah rantau ini wujud hubungan dan jalinan yang erat melalui tali persaudaraan dan ikatan sosial. Secara langsung orang-orang Minangkabau telah memperluaskan alam atau nagari Minangkabau itu sendiri. Setia luhak yang dinyatakan tadi berkembang kerana peningkatan jumlah penduduk dan sebab-sebab lain. Amalan merantau yang terus diamalkan itu membawa kepada pembukaan-pembukaan kawasan rantau masing-masing ke tempat yang lebih jauh di berbagai arah sehingga hampir meliputi keseluruhan Pulau Sumatera. Luhak Lima Puluh Kota membuka daerah rantaunya menghala ke Timur iaitu di sekitar kawasan Kampar. Luhak Tanah Datar membuka daerah rantaunya ke arah selatan iaitu sekitar Rantau Solok dan kawasan yang berdekatan. Manakala Luhak Agam ke arah utara ke sekitar Pasaman yang mengandungi kawasan Bonjol dan Lubuk Sikaping. Pengluasan daerah rantau Minangkabau ini juga melewati Selat Melaka ke Tanah besar Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Negeri Sembilan dan Nanning, Melaka. Kedua-dua tempat tersebut menjadi tumpuan pendatang Minang untuk terus tinggal menetap serta mengamalkan cara hidup ‘Adat Perpatih’ seperti di tempat asalnya.

### **3.0 FAKTOR-FAKTOR PENGIJRAHAN ORANG-ORANG MINANGKABAU**

Faktor-faktor penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan boleh dilihat dari segi faktor tolakan dan faktor tarikan. Faktor tolakan termasuklah tradisi merantau, politik, ekonomi dan pendidikan. Manakala faktor tarikan ialah kegemilangan kerajaan Melayu Melaka dan penerimaan masyarakat tempatan itu sendiri terhadap pendatang Minangkabau.



### 3.1 Tradisi Merantau

Tradisi merantau merupakan amalan dan pegangan yang sudah sebatian dengan jiwa oleh sukubangsa Minangkabau. Oleh kerana amalan dan pegangan ini begitu kuat dipegang dan diperturunkan kepada anak-anak dan keturunannya, maka proses merantau itu terus berlaku yang melibatkan penghijrahan orang-orang Minangkabau ke luar dari lingkungan negeri asal mereka. Mochtar Naim menjelaskan faktor-faktor merantau dari sukubangsa Minangkabau ada yang non-sosial-budaya dan ada yang sosial –budaya. Yang non-sosial-budaya termasuklah alam, yakni faktor ekologi, kondisi edafik dari tanah pertanian yang tersedia, lokasi iaitu proksimiti dari tanah Minangkabau ke pusat-pusat perekonomian dan perdagangan di samping politik dan kebudayaan, dan faktor kependudukan. Yang sosial-budaya termasuk dorongan ekonomi, pendidikan, daya tarikan kota, keresahan politik dan sistem adat atau perlembagaan sosial.<sup>15</sup>

Sebelum menjelaskan tradisi merantau lebih lanjut adalah lebih baik terlebih dahulu memahami definisi dan pengertian perkataan ‘merantau’. Merantau mempunyai pengertian yang hampir sama dengan konsep migran tetapi ia mempunyai konitansi budaya yang tersendiri. Perkataan merantau adalah istilah Melayu yang berasal dari kata akar ‘rantau’. Menurut Haji Zainal Abidin Safarwan<sup>16</sup> merantau ialah berjalan atau belayar ke mana-mana, mencari kehidupan, mengembara ( untuk mencari penghidupan ), pergi ke negeri lain dan berkekalan. Menurut Winstedt<sup>17</sup>, Iskandar<sup>18</sup> dan Purwadarminta<sup>19</sup>, adalah merujuk kepada jajahan, terutamanya yang terletak di tepi sungai dari satu tanjung pesisir, daerah, teluk negeri dan sebagai tempat mencari penghidupan. Perkataan ‘merantau’ merupakan kata kerja yang bererti pergi ke rantau, mengembara atau belajar untuk mencari kehidupan di negeri lain atau berjalan dari satu rantau ke rantau yang lain.

Kajian tentang merantau telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sejarah dan ahli sains sosial seperti Mochtar Naim, Mohd Dahlan Mansoer, Usman Pelly,


<sup>15</sup> Lihat Mochtar Naim. 1973. *Merantau: Minangkabau Voluntary Migration*. Tesis Ph.D. University of Singapore.

<sup>16</sup> Zainal Abidin Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd. Hlm. 1500.

<sup>17</sup> R.O.Winstedt. 1960. *Kamus Bahasa Melayu*. Singapore: Marican and sons..Hlm 249.

<sup>18</sup> Iskandar, T. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 931.

<sup>19</sup> W.J.S. Purwadarminta. 1996. *Kamus Umum Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka. Hlm. 125.



Peta 3. Peta menunjukkan Alam Minangkabau yang mengandung daerah induk dan daerah rantainya.



Khazin Mohd Tamrin, Nordin Selat dan beberapa penulis lagi. Mochtar Naim<sup>20</sup> menjelaskan merantau dapat diertikan sebagai migrasi<sup>21</sup> tetapi dalam konteks budayanya sendiri. Beliau memperihalkan seseorang yang pergi keluar daerah budayanya dengan kemahuan sendiri lalu berinteraksi dengan kaum kerabatnya atau anggota kelompok etnik lain dipandang sebagai perbuatan merantau. Oleh itu ciri 'kemahuan sendiri' untuk merantau adalah berbeza dengan migrasi yang "non-volunteer". Beliau menggariskan bahawa merantau adalah satu jenis migrasi yang dibatasi oleh enam unsur pokok iaitu :

1. Meninggalkan kampung halaman dan memasuki wilayah budaya lainnya serta berinteraksi dengan masyarakat dari wilayah budaya lain itu.
2. Dengan kemahuan sendiri , jadi tidak ada unsur paksaan sama sekali.
3. Dengan tujuan untuk mencari nafkah, menuntut ilmu atau mencari pengalaman.
4. Untuk jangka masa lama atau singkat.
5. Dengan tujuan untuk menambah ,bukan mengurangi , yang di kampung, baik dalam erti material mahupun spiritual-kultural.
6. Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya, yang juga dikaitkan dengan proses inisiasi bagi anak-anak muda untuk mempertingkatkan bahawa mereka mampu berdiri di atas kaki sendiri, sekurang-kurangnya dalam upaya mempersiapkan diri untuk menghadapi kehidupan berumah tangga.

Usman Pelly<sup>22</sup> menegaskan bahawa merantau merupakan misi budaya. Mencari pengetahuan dan harta untuk digunakan untuk memajukan negeri merupakan usaha untuk mengembangkan misi budaya. Hal ini dikemukakan kerana merantau dilakukan sebagai dorongan untuk satu ketika mereka kembali dengan membawa sesuatu seperti harta atau pengetahuan yang dianggap sebagai simbol keberhasilan

<sup>20</sup> Mochtar Naim. 1974. *Merantau: pola migrasi suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press.

<sup>21</sup> Migrasi lebih merupakan istilah umum atau common decoration untuk segala jenis perpindahan tempat tinggal, dekat atau jauh, dengan kemahuan sendiri atau tidak, untuk sementara waktu atau untuk selamanya, dengan atau tanpa tujuan yang pasti, dengan atau tanpa dan kultural atau tidak. Lihat Mochtar Naim .*Merantau: Pola migrasi suku Minangkabau*. Hlm. 5.

<sup>22</sup> UsmanPelly. 1994. *Urbanisasi dan adaptasi : Peranan misi budaya Minangkabau dan Mandailing*. Jakarta : Pustaka LP3ES.

dalam menjalankan misi. Harta dan pengetahuan yang dibawa pulang ke kampung oleh para perantau sangat dihargai oleh penduduk kampung, kerana perantau menggunakan harta itu untuk pembangunan kampung, memperbaiki rumah-rumah saudara mara perempuan atau isteri mereka, dan juga membeli tanah. Selain itu perantau juga mengajarkan ilmu serta pengetahuan dan idea-idea baru yang didapati di daerah perantauan untuk mengubah dan memajukan negeri. Perubahan dan kemajuan yang diperolehi akan dijadikan pedoman bagi perantau lain yang akan menyusul kemudian.

Mohammad Dahlan Mansoer<sup>23</sup> pula menjelaskan merantau bererti meninggalkan kampung halaman untuk mencari pengetahuan seperti belajar di negeri asing, mencari ketrampilan dan pengalaman yang hasilnya dapat menambah kesejahteraan diri, anak saudara dan kampung halaman dalam jangka masa tertentu ataupun selama-lamanya. Nordin Selat<sup>24</sup> sependapat dengan Mohd Dahlan Mansoer kecuali menyatakan belajar di negeri asing tidak termasuk dalam konsep merantau. Dalam kajian kes ini merantau dilihat sebagai satu konsep yang lebih tertumpu kepada kedinamikan budaya orang yang mengalami atau menduduki wilayah yang dinamakan sebagai 'culture area' atau daerah budaya.

Setelah melihat definisi konsep merantau ini dapatlah dilihat bahawa merantau bagi suku Minangkabau, di mana migrasi mereka melembaga dan terkait kepada sistem sosial yang ada secara keseluruhannya. Dengan terlembaganya merantau, setiap ahli masyarakat Minangkabau, khususnya lelaki muda, sentiasa digalakkan dan ditolak agar pergi ke rantau oleh kaum keluarga dan kerabat.

Kenyataan bahawa suku Minangkabau adalah matrilineal adalah petunjuk kuat yang dapat dipakai untuk menjelaskan mengenai kebiasaan merantau ini. Dalam masyarakat yang berpegang kuat kepada sistem matrilineal yakni nasab ibu, berbanding sistem patrilineal (nasab bapa) ,ini bermakna kekuasaan tempatan dan pengawalan harta dan tanah terletak pada kaum perempuan berbanding dengan kaum lelaki. Justeru itu kaum perempuan lebih berkecenderungan untuk menetap di daerah ini dibandingkan dengan kaum lelaki. Survival sistem adat Perpatih selama ini bergantung kuat kepada perlanjutan dan pengekalan status quo ini.

<sup>23</sup> Mohammad Dahlan Mansoer. 1970. Sejarah Minangkabau. Djakarta : Bharata.

<sup>24</sup> Nordin Selat. 1970. The concept of merantau in Adat Perpatih in Negeri Sembilan. Federation Meseum Journal XV. Kuala Lumpur : Meseum department

Oleh kerana tanah pusaka tidak boleh dijual beli dan hak memakai hanya ada pada kaum wanita, maka kedudukan wanita di Minangkabau relatif terjamin. Merelah yang memiliki rumah serta mereka juga yang menikmati hasil dari sawah padi atau ladang. Justeru itu kaum lelaki bagaimana? Tugas lelaki ialah menambah, memperbanyak dan mengawasi, bukan mengurangi. Kaum lelaki menanggung tugas ganda : di rumah isterinya sebagai **samando** orang jempunan serta sebagai suami dan ayah, di rumah ibunya sebagai pelindung terhadap kaum<sup>25</sup>. Begitulah tugas ganda yang mesti dipikul oleh lelaki Minang, lantas dari segi sosial-budaya menjadi pendorong yang efektif mengingatkan mereka untuk merantau. Merantau ini merupakan suatu suruhan tegas : apabila jika di rumah **berguna belum**. Katanya :

*Kerantau madang di hulu,  
Berbunga berbuah belum,  
Merantau bujang dahulu,  
Di kampung berguna belum.*

Di sini golongan yang digalakkan merantau adalah orang bujang (lelaki) yang meliputi anak-anak muda yang masih belum lagi berguna dari segi adat. Selain dari faktor galakan ini semangat keazaman akibat daripada proses sosialisasi yang dialami oleh anak-anak muda tersebut merupakan satu daya tolakan yang kuat untuk merantau. Semangat tidak boleh mengharap harta pusaka, dayus menuntut harta pusaka dan perlu mengumpulkan harta carian sendiri yang tersemat di dada anak-anak muda (lelaki) sejak kecilnya sudah cukup untuk mencabar mereka supaya mencari rezeki masing-masing – untung sabut timbul ,untung batu tenggelam.<sup>26</sup>

Mochtar Naim berpendapat kerana tugas berat yang harus dipikul oleh lelaki Minang ini maka dari kecil si anak seperti sudah diarahkan untuk memikul tanggungjawab ini secara beransur-ansur. Proses **menjadi dewasa dan menjadi orang** ini kelihatannya telah berlaku sejak dari umur masih sangat dini. Proses ini bahkan sudah bermula sejak si anak disuruh **merantau** dari kamar ibu ke ruang tengah untuk tidur bersama-sama dengan anak-anak yang lebih tua lainnya. Baru berumur 6 – 7 tahun sudah disuruh mengaji ke surau untuk kemudian secara beransur-

<sup>25</sup> Lihat Fitrilina. 1995. Suatu kajian tentang struktur adat masyarakat di kenegerian Bangkinang, skripsi, jurusan sosiologi. Pekan Baru : Universiti Press. Hlm. 91 – 95.

<sup>26</sup> Mohd Hafiah Piei. 1994. Profil sosio-ekonomi masyarakat Melayu Rembau : satu perbincangan dari segi adat Perpatih. Dlm. A.Samad Idris dll. (ed).Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, segar bersiram. Adat merentas zaman. Seremban: Jawatankuasa Penyelidik Budaya Muzium Negeri Negeri Sembilan. Hlm. 252 – 253.

ansur mulai tidur di surau bersama-sama dengan anak-anak yang lebih tua lainnya, ataupun laki-laki dewasa lainnya, baik yang masih membujang atau yang sudah akil-baligh sudah malu tidur di rumah, apalagi tidak ada bilik yang disediakan untuk anak laki-laki. Semua bilik diperuntukkan bagi anggota-anggota yang wanita yang kalau sudah kahwin penanti suaminya di malam hari.<sup>27</sup>

Tradisi merantau juga dimanifestasikan ke dalam beberapa bentuk iaitu sebagai suatu inisiatif untuk menuju kedewasaan atau menjadi orang. Malah ia menjadi kewajiban dan tanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat. Justeru itu pemergian mereka meninggalkan kampung halaman atau merantau mencari kekayaan<sup>28</sup>, menuntut ilmu<sup>29</sup>, mencari pengalaman hidup<sup>30</sup>, dan untuk membuktikan kebolehan.

Proses seseorang lelaki untuk menjadi dewasa dan menjadi orang akan dilihat sempurna sekiranya mereka beroleh hasil pencarian, bertambah ilmu, pengalaman dan kematangan apabila dibawa pulang merantau. Nilai seseorang perantau akan menjulang sekali apabila terdengar cerita kejayaannya, sehingga pinangan akan datang dari mana-mana. Dalam hal ini didapati terdapat bezanya antara yang merantau dan yang tidak merantau. Mereka yang tidak pernah berganjak dari kampung atau “**tidak lepas dari bedungan**” dinilai oleh masyarakat sebagai rendah. Oleh itu, merantau berfungsi sebagai “**rite de passage**” untuk membuktikan bahawa telah terjadi proses pendewasaan dan kerananya telah boleh memasuki tingkat kehidupan yang lebih tinggi lagi, iaitu berumah tangga.<sup>31</sup>

Maka jelaslah bahawa institusi merantau telah menjadi tradisi dan misi budaya. Melalui merantau masyarakat Minangkabau telah dapat meluaskan sempadan daerah dan pengaruh Minangkabau di Pulau Sumatera dan melewati selat Melaka. Jiwa yang tersemat dengan azam, semangat juang dan cabaran masyarakat telah

<sup>27</sup> Mochtar Naim. 1974. Merantau : Pola Migrasi suku Minangkabau. Jogjakarta : Gadjad Mada Universiti Press. Hlm. 277. Lihat juga N. St. Iskandar. 1996. Pengalaman masa kecil. Jakarta: Balai Pustaka. Dan M. Radjab. 1950. Semasa kecil di kampung.

<sup>28</sup> Tugas kaum lelaki dalam masyarakat Minangkabau ialah membesarkan dan memperbanyakkan harta kaum dari ibunya.

<sup>29</sup> Pengetahuan yang diperolehi lebih bersifat spiritual alam pemikiran, mereka berfungsi sebagai penyalur idea-idea baru dan pemikiran-pemikiran baru yang dapat dimanfaatkan dan digunakan untuk memajukan negeri dan adat mereka. Pengetahuan ini juga dikongsi dengan perantau-perantau lain sebagai pedoman dan teladan.

<sup>30</sup> Perantau yang memiliki pengalaman hidup boleh berbangga, pengalaman hidup itu memberi panduan untuk mereka menjadi lebih dewasa dan menjadi orang.

<sup>31</sup> Lihat Mochtar Naim. 1974. Merantau : pola migrasi suku Minangkabau. Hlm. 278.

menyemarakkan kaum lelaki Minangkabau untuk merantau dan terus merantau melewati sempadan dan negeri.

### 3.2 Faktor politik

Pergerakan keluar orang-orang Minangkabau dari kelompoknya juga disebabkan oleh faktor politik. Penghijrahan orang Minangkabau telah diandaikan oleh ahli sejarah sejak dari awal sejarah, iaitu zaman atau sebelum pembinaan candi Muara Takuih<sup>32</sup>. Schitger berpendapat candi Muara Takuih dibina sekitar abad ke 11-12 Masihi (1904: 37-39). Muara Takuih diberi nama sebagai tanda ingatan kehidupan rakyat Minangkabau yang sentiasa hidup dalam ketakutan. Tambo-tambo Minangkabau menamakan era ini sebagai zaman 'Undang-undang Nan Tigo'<sup>33</sup> Oleh kerana hidup dalam keadaan cemas dan takut telah menjadi pendorong yang kuat bagi rakyat berhijrah dari kampung halaman khususnya dari Luak Nan Tigo. Dari itu wujudlah rantau awal Minangkabau yang terdiri daripada daerah-daerah di sekeliling daerah asal, Luak Nan Tigo. Rantau-rantau baru ini terletak di dataran pantai barat (kemudian dikenali sebagai rantau persisir) dan kawasan timur (Rantau Timur).

Memandangkan kehidupan masyarakat Minangkabau makin tertekan pemerintah Minangkabau telah merubah sistem "Undang-undang Nan Tigo" kepada

<sup>32</sup> Perkataan takuih (takus) adalah kacukan daripada perkataan takut, yang pada sesetengah sarjana, menggambarkan keadaan masyarakat pada era itu, iaitu sentiasa dalam ketakutan. Muara Takuih terletak di tebing kiri di Ulu Sungai Kampar dalam Luak Lima Puloh Kota, iaitu salah satu daripada Luak Nan Tigo (Luak asal) Minangkabau. Tempat ini mungkin telah menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan yang makmur di zaman pemerintahan Raja Becau iaitu keturunan Puti Sri Dunia, pengasas dinasti Muara Takuih (Sjafiroeddin, 1974:38) Coedes (1930:30-44) dan Moen (1937: 460,476) pula berpendapat Muara Takuih pernah menjadi pusat pemerintahan Raja Jayanasa, iaitu raja yang mendirikan batu bersurat di Talang tua (Tuwa) (TM 648) yang antara lain mengingatkan bahawa sesiapa daripada rakyatnya yang tidak taat dan setia kepadanya atau melakukan tindakan belot terhadapnya akan dibunuh kena sumpah (seperti dikutip oleh Norhalim Hj. Ibrahim, 1983: 36-37)

<sup>33</sup> Kata Undang-undang pada kalimat Undang-undang NanTigo bukan bermakna 'law' sebagaimana yang kita fahami hari ini, tetapi hanya suatu gambaran keadaan (hidup) dalam negeri berdasarkan cerita tambo. Sebagaimana namanya, undang-undang ini terbahagi kepada tiga jenis: iaitu (1) Undang-undang Si Mumbang Jatuh, (2) Undang-undang Si Gamak-gamak, dan (3) Undang-undang Si Lamolamo. Pada prinsipnya, tiga-tiga undang-undang ini adalah mengikut sistem di mana orang boleh melakukan apa saja yang dikehendaki. Dalam keadaan begini, yang kuat akan menang dan yang dahulu akan dapat; dan andai timbul sebarang masalah dan /atau persoalan dalam amalan sedemikian, rajalah yang akan menyelesaikannya atas dasar kuasa mutlak yang dimilikinya. Jadi keadaan masyarakat di Minangkabau pada era ini sentiasa dalam ketakutan dan dipenuhi dengan perasaan tidak selamat, baik nyawa ataupun harta benda. Untuk mengubah dan mengingati keadaan hidup yang sedemikian rupa pada zaman ini, salah satu tempat yang menjadi pusat kekuasaan pada masa itu telah dinamakan Muara Takuih. Untuk keterangan lanjut tentang Undang-undang Nan Tigo ini lihat Bahar, 1996 (b): 10-11; Rasjid Manggis, 1971;23; Norhalim Hj. Ibrahim 1983; 36-40;1993:21-26.



'Undang-undang Tariek-Balieh'.<sup>34</sup> Malangnya undang-undang baru ini juga menimbulkan keadaan huru-hara akibat mentafsir undang-undang menurut tafsiran sendiri. Akibat hukuman sesuatu 'jenayah' atau sesuatu 'kesalahan' telah dijalankan secara persendirian tanpa isbat daripada hakim telah mencetuskan peperangan dan dendam kesumat antara pihak yang bertelagah. Keadaan huru-hara ini sekali lagi menggalakkan pergerakan individu atau kumpulan keluar dari Luak Nan Tigo dan membuka petempatan baru di sekitar Rantau Pesisir dan Pantai Timur yang telah dibuka oleh penghijrah sebelumnya

Sebelum abad ke 13 Sultan Balun ( atau lebih dikenali dengan nama Datuk Perpatih Nan Sebatang) telah menyusun "Adat Tuah Disakato"<sup>35</sup> menggantikan Undang-undang Tariek Belieh. Sebelum abad itu mereka adalah 'pelarian' tetapi apabila "Adat Tuah Disakato" disusun telah merubah motif pergi merantau. Merantau, telah dijadikan suatu institusi dalam budaya Minangkabau.<sup>36</sup>

Penghijrahan orang-orang Minangkabau semakin meningkat di zaman pemerintahan Belanda di Indonesia. Perang Padri<sup>37</sup> telah meletus antara kaum agama dan kaum adat, pihak Belanda telah mengambil kesempatan untuk memperluaskan pengaruhnya di Sumatera,serta memperkenalkan sistem tanaman paksa. Tentera Belanda berjaya mengatasi perjuangan golongan paderi dan kota Bonjol di bawah kuasa Tuanku Imam Bonjol ditawan pada 16 Ogos 1837. Akhirnya Tuanku Imam Bonjol ditawan dan meninggal dunia pada 6 November 1864 di Manado. Setelah terhapusnya kesultanan Minangkabau dan kekalahan golongan paderi ,serta kegagalan penduduk Minangkabau dan golongan paderi mempertahankan tanah air mereka, Belanda telah berkuasa penuh di Alam Minangkabau. Seterusnya, Belanda

<sup>34</sup> Undang-undang Tariek-Balieh ini mengikut prinsip : setiap kesalahan harus mendapat balasan yang setimpal. Misalnya orang yang membunuh harus dihukum mati; atau jika seseorang itu telah membuatkan orang lain malu, maka dia pula harus dihukum sehingga mendapat malu. Untuk keterangan lanjut lihat Bahar, 1996 (b):14; Batoeh Sanggo,1966: 241; Norhalim Hj. Ibrahim, 1983: 40-41, 1993: 26-28.

<sup>35</sup> Adat Tuah Disakato adalah cara hidup yang berdasarkan mesyuarah untuk muafakat. Adat ini adalah adat susunan Datuk Perpatih Nan Sebatang atau Sultan Balun. Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah satu versi dari adat ini. Untuk keterangan lanjut lihat Norhalim Hj. Ibrahim.1993. Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

<sup>36</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. Negeri yang sembilan. Shah Alam: Fajar Bakti. Hlm. 46.

<sup>37</sup> Lihat Muhamad Radjab. 1964. Perang Paderi di Sumatera Barat (1803-1838). Djakarta:P.N.Balai Pustaka. Lihat juga Hamka. 1967. Ayahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abd Karim Amrullah dan perjuangan kaum agama di Sumatera.Djakarta: Djayamurni.Hlm. 230.

memperkenalkan sistem tanaman paksa. Keberkesanan sistem ini di daerah Jawa<sup>38</sup> telah mendorong pemerintah Belanda untuk melaksanakan di seluruh wilayah Indonesia termasuk di Sumatera, mulai dari daerah Aceh hingga ke Selatan Sumatera. Sistem tanaman paksa ini merupakan satu bentuk penindasan oleh Belanda terhadap penduduk tempatan. Justeru itu, ramailah penduduk Minangkabau keluar berhijrah ke daerah rantau yang lain.

### 3.3 Faktor ekonomi.

Ahli sains sosial dan sejarawan yang mengkaji fenomena merantau mengatakan bahawa penghijrahan awal masyarakat Minangkabau telah digerakkan oleh faktor ekonomi dengan berlandaskan struktur sistem matrilineal. Merantau berlaku kerana memenuhi keperluan pertanian dan perdagangan. Dalam kurun-kurun ke 14 dan 15 perkembangan penduduk semakin meningkat di wilayah Minangkabau sedangkan keluasan tanah pertanian semakin mengecil. Lantaran itu perlunya membuka perkampungan baru disebabkan tekanan penduduk itu tadi. Oleh itu penghijrahan perlu dilakukan demi kelangsungan hidup.

Orang Minangkabau adalah kaum petani, sejak dari tahun 500 Masihi lada merupakan keluaran yang utama dan para pedagang dari China, India dan Parsi memerlukan komoditi tersebut. Akibat dari pertambahan penduduk dan keluasan tanah tidak seimbang<sup>39</sup> menyebabkan orang Minangkabau bergerak ke kawasan pantai timur Pulau Sumatera. Kawasan berkenaan sememangnya subur, terutama di tepi sungai-sungai besar dekat muara dan laut. Kawasan tersebut dari segi ekonomi ketika itu adalah jauh lebih menguntungkan daripada Alam Minangkabau di dataran tinggi Bukit Barisan kerana ianya lebih terbuka bagi lalu lintas air dan dengan sendirinya bagi hubungan dagang dengan daerah-daerah jauh di luar Alam Minangkabau. Di samping itu, dengan menjalankan aktiviti pertanian di sekitar kawasan pusat perdagangan tersebut, hasil yang didagangkan adalah lebih segar

<sup>38</sup> *Cultur Stelsel* telah dimulakan di daerah Jawa sejak awal abad ke-19. Keberhasilan sistem ini telah membawa penderitaan yang berlarutan terhadap masyarakat Jawa khususnya. Lihat Donald W. Fryer, 1977, *Nations of the modern world Indonesia*. London: E. Benn. Hlm. 50-58.

<sup>39</sup> Ketidak seimbangan pertambahan penduduk dengan keluasan tanah khususnya di Sumatera barat menjadi penyebab orang-orang Minangkabau merantau. Lihat Mochtar Naim, *Merantau pola migrasi suku Minangkabau*. Hlm. 239-245.

daripada yang diusahakan di pedalaman di dataran tinggi Bukit Barisan. Justeru itu wujudlah Rantau timur Minangkabau.<sup>40</sup>

Bagi kaum lelaki pula biasanya memegang tugas bekerja membajak dan memungut hasil di sawah atau ladang. Selain bertanam padi, mereka juga menanam sayur-sayuran, tembakau, kopi, cengkeh, getah, kelapa dan tanaman komoditi lainnya. Kehidupan berasaskan kepada pertanian merupakan sumber sara hidup dan mempunyai kaitan dengan harga di pasaran dunia<sup>41</sup> kecenderungan untuk merantau dipengaruhi oleh permintaan dan harga komoditi tersebut. Ketika permintaan dan harga komoditi itu rendah dan harganya jatuh, para petani mula menjual kebun mereka. Keadaan ini mendorong mereka mencari peluang pekerjaan lain untuk meneruskan hidup. Oleh itu ramai kaum lelaki akan meninggalkan rumah untuk merantau.<sup>42</sup>

Daripada penjelasan yang diutarakan di atas faktor ekonomi juga memainkan peranan yang penting sebagai penggerak masyarakat Minangkabau khususnya lelaki untuk merantau dan mencari peluang ekonomi yang lebih bagi menjamin kelangsungan kehidupan mereka.

### 3.4 Faktor pendidikan

Faktor pendidikan juga merupakan salah satu lagi pendorong orang-orang Minangkabau untuk merantau. Oleh kerana sejak mencapai usia 11 –12 tahun lagi kanak-kanak digalakkan pergi ke surau untuk belajar agama dan diberi pendedahan kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan masyarakat<sup>43</sup>, ia menjadi perangsang kepada kanak-kanak ini untuk terus mendalami ilmu keagamaan. Perkembangan pendidikan di Pulau Sumatera sejak tahun-tahun 1910an hingga 1920an telah memberi peluang kepada anak-anak muda yang berkeinginan untuk meneruskan pelajaran

<sup>40</sup> Norhalim Hj. Ibrahim .1995. Negeri yang sembilan. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 44.

<sup>41</sup> Tahun-tahun awal abad ke-20, pernah terjadi di daerah-daerah Sumatera Barat penduduknya berlumba-lumba untuk menanam tanaman perdagangan seperti kopi dan getah yang sangat diperlukan di pasaran dunia. Bahkan di daerah yang bertanam padi, banyak yang mengolah tanahnya untuk menanam tanaman perdagangan, atau meninggalkan semula untuk bekerja di perkebunan kopi atau getah di tempat lain. Lihat Mochtar Naim. 1979. Merantau: pola migrasi suku Minangkabau. Hlm. 242.

<sup>42</sup> Berdasarkan kepada faktor iainilah, Mochtar Naim menyatakan bahawa motivasi merantau orang Minangkabau adalah lebih banyak bergantung kepada faktor sistem adat dan ekonomi. Lihat Mochtar Naim. 1979. Merantau: pola migrasi suku Minangkabau. Hlm. 255-256.

<sup>43</sup> P.E. De Joseline de Jong. 1980. De duktine antropology and Minangkabau, kerja-kerja no. 20. Internasional seminar on Minangkabau literature, society and culture .Bukit Tinggi. Hlm. 6.



bukan sahaja di daerah rantau Pulau Sumatera tetapi juga keluar ke Nusantara.<sup>44</sup> Mochtar Naim menyatakan sejumlah penuntut telah pergi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk belajar.<sup>45</sup> Galakan dan sokongan yang diberikan oleh masyarakat Minangkabau untuk menuntut ilmu dan menimba pengalaman telah mendorong lebih ramai anak-anak muda untuk merantau menuntut ilmu.

### 3.5 Faktor kegemilangan kerajaan Melayu Melaka.

Faktor tarikan, seperti perkembangan dan kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara dan perkembangan empayar Melayu Melaka pada abad ke 15 telah menjadi daya tarikan orang-orang Minangkabau untuk datang ke Melaka dan kawasan-kawasan sekitarnya. Ini adalah kerana Melaka menjadi tumpuan para pedagang asing dari timur dan barat. Malah pelabuhan Melaka sendiri menjadi tempat para pedagang dan anak-anak kapal dari Nusantara berkumpul untuk berusniaga, mereka bukan saja dari Minangkabau malah dari Aceh, Mandailing, Jawa, Bugis dan lain-lain. Melaka juga mempunyai banyak negeri jajahan termasuk negeri-negeri yang terletak di pinggir pantai timur Sumatera. Perluasan tanah jajahan kerajaan Melaka digambarkan oleh Sejarah Melayu seperti berikut: “ *Maka tersebutlah perkataan Kampar, Maharaja Jaya nama rajanya, Pekantua nama negerinya, asalnya daripada Raja Minangkabau .....*”<sup>46</sup>

Perkembangan dan kemajuan Melaka pada abad ke 15 tersebut telah mendorong berlakunya penghijrahan orang Minangkabau ke Melaka sebagaimana bangsa-bangsa lain. R.O.Winstedt menyatakan tarikh terawal bermulanya penghijrahan orang Minangkabau ke Tanah Melayu ialah pada kurun ke 15.<sup>47</sup> Para pedagang Minangkabau ini ada yang terus tinggal di Melaka dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti di Nanning Melaka dan Rembau di Negeri sembilan.

Melaka juga menjadi pusat perkembangan agama Islam di abad yang 15. Pengislaman raja-raja Melaka telah menarik minat pedagang-pedagang beragama Islam dari India, negara-negara Arab dan tidak juga ketinggalan pedagang dari

<sup>44</sup> Abdullah Taufik. 1969. Minangkabau 1900 –1927. Preliminary studies in social development. M.A. Thesis. Cornell University. Hlm. 67.

<sup>45</sup> Mochtar Naim. 1974. Merantau: pola migrasi suku Minangkabau. Hlm. 88-89

<sup>46</sup> Shellabear, W.G. (e.d). 1957. Sejarah Melayu. Singapore: Malaya Publishing House Ltd. Hlm. 107.

<sup>47</sup> Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan. The history, polity and beliefs of the nine states. Singapore: JMBRAS. vol 12. Hlm. 42.

Sumatera termasuk orang-orang Minangkabau. Sebahagian besar daripada perdagangan Asia Tenggara berada di tangan pedagang-pedagang beragama Islam. Justeru mereka datang ke Melaka bukan sahaja untuk berdagang bahkan juga untuk menyebarkan agama Islam serta mempelajari agama tersebut.

### 3.6 Faktor penerimaan masyarakat tempatan

Faktor penerimaan masyarakat tempatan terhadap pendatang-pendatang dari Minangkabau ini merupakan satu lagi daya tarikan masyarakat Minangkabau untuk meneruskan pergerakan mereka ke seluruh ceruk rantau Negeri Sembilan. Masyarakat tempatan sebagaimana yang dijelaskan di awal tadi terdiri daripada orang asli keturunan Jakun. Mereka tidak menentang kehadiran para perantau Minangkabau. Kehadiran perantau ini diterima oleh masyarakat tempatan kerana adanya persamaan dari segi fizikal, budaya dan cara hidup. Jadi, dalam masyarakat Melayu mereka berpegang kepada “di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung” dan “masuk kandang kerbau menguak dan masuk kandang kambing mengembik”. Anak watan Negeri Sembilan, iaitu orang Jakun adalah masyarakat yang mengamalkan sistem kemasyarakatan nasab ibu.<sup>48</sup> Oleh sebab sistem sosial penghijrah dan anak watan mempunyai dasar yang hampir sama, maka berlakulah tolak ansur budaya tanpa konflik atau peperangan.

R.O. Winstedt menyatakan penduduk Melayu Melaka dikatakan berasal daripada keturunan bangsa Minangkabau dari Sumatera. Terdapat perkahwinan campur antara penduduk tempatan iaitu orang asli dengan orang Minangkabau. Orang asli ini adalah terdiri daripada orang asli bangsa Proto (proto-Malay).<sup>49</sup> Dari Nanning inilah orang Minangkabau meneroka dan mara ke utara dan seterusnya membuka Negeri Sembilan.

Dapatlah dijelaskan bahawa faktor-faktor penghijrahan masyarakat Minangkabau disebabkan oleh faktor-faktor tolakan dan tarikan. Faktor-faktor tolakan disebabkan sistem Adat Perpatih itu sendiri yang mana kaum wanita mendapat tempat yang utama dalam pembahagian harta dan hak milik, sedangkan orang lelaki hanya menjadi orang luar dalam satu keluarga atau “orang semenda”. Oleh itu orang lelaki perlu pergi ke

<sup>48</sup> Baharon Azhar Raffie'i. 1984. Perhubungan inter ethnuk dalam masyarakat adat. kertas kerja seminar kebangsaan Perpatih dan wilayah Negeri Sembilan. UPM. Serdang. Hlm. 4.

<sup>49</sup> Winstedt, R.O. 1934. Negeri sembilan: The history, polity and beliefs of the states. Singapore: JMBRAS. Vol. 12. Hlm. 45.

tempat lain untuk mencari peluang-peluang pendapatan. Hal ini diteguhkan lagi dengan sikap mereka suka mengembara dan berpegang teguh pada konsep 'merantau'. Amalan merantau bermakna keluar daripada negeri asal pergi ke negeri lain dengan tujuan mencari harta, pengalaman, menuntut ilmu, membuktikan kebolehan masing-masing dan berbagai-bagai tujuan lain. Selain itu keadaan ekonomi yang meleset dan pengenalan sistem tanaman paksa oleh Belanda mendorong pergerakan keluar masyarakat Minangkabau. Faktor-faktor peribadi seperti masalah keluarga dan membuktikan kebolehan diri mencabar lagi jumlah pergerakan itu. Faktor tarikan pula merupakan faktor-faktor yang menguatkan lagi pergerakan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan. Kegemilangan kerajaan Melaka sebagai pusat perdagangan serantau telah memberi peluang-pekuang pekerjaan dan perniagaan kepada orang Minangkabau. Terdapat sebilangan besar dari mereka terus menetap dan terus melakukan pergerakan ke kawasan-kawasan di Negeri Sembilan. Tambahan pula penerimaan masyarakat tempatan telah memastikan pembukaan petempatan yang kekal di daerah rantau Minangkabau itu.

#### **4.0 PENGHIJRAHAN DAN PEMBUKAAN PETEMPATAN ORANG-ORANG MINANGKABAU**

##### **4.1 Sejarah awal penghijrahan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan.**

Bagi memastikan bilakah sebenarnya pendatang-pendatang dari Minangkabau itu tiba di daerah-daerah di Negeri Sembilan dan seterusnya membuka petempatan adalah amat sukar untuk ditentukannya. Newbold telah mencatatkan bahawa orang-orang dari 'tanah seberang' ini berhijrah ke Tanah Melayu secara bergelombang-gelombang dan kumpulan pertamanya tiba pada kira-kira pertengahan abad ke dua belas. Newbold menjelaskan sebahagian besar orang Jakun telah lari atau berundur diri ke hutan apabila perantau Sumatera datang membuat petempatan di Nanning dan Rembau pada sekitar abad ke 12.<sup>50</sup> Ketua kumpulan itu bernama Tun Pattair dan mereka mula-mula tiba di Melaka, lalu mudik ke Sungai Melaka dan sampai ke Tabuh

<sup>50</sup> Newbold, T.J. 1971. *British Settlements in the straits of Malacca*. vol. II. London: John Murray. 1839. cet. semula: Kuala Lumpur: Oxford University Press. Lihat juga Newbold, T.J. 1968. *Account of Rumbowé*. Dalam J.H.Moor (ed). *Notice of the Indian Archipelago*. Singapore. Cet. semula. London: Frank Case.

Naning ( Tabo ). Tun Pattair dan anak-anak buahnya membuka petempatan dan berkahwin dengan wanita-wanita tempatan serta tinggal menetap di situ sehingga membentuk sebuah 'koloni' Minangkabau yang pertama di Tanah Melayu.

R.J.Wilkinson<sup>51</sup> pula berpendapat orang-orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Melayu selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Micheal G. Peletz<sup>52</sup> pula menyatakan kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan bermula lebih kurang sekitar 1500 atau lebih awal dari itu. Grou Dinho De Eredia seorang pengembara dan sejarawan Portugis 'pada tahun 1613 telah sampai ke kawasan sebelah sini, beliau mencatatkan terdapat orang-orang Minangkabau di daerah Naning dan Rembau. Oleh itu menunjukkan bahawa penghijrah Minangkabau telah berhijrah ke kawasan tersebut lebih awal dari tahun 1613. Norhalim Hj. Ibrahim menjelaskan penghijrahan ini telah mula datang ke kawasan Naning ( Melaka ) dan Negeri Sembilan sejak dari sekitar abad ke- 9 lagi. Mereka telah berjaya menegakkan beberapa buah kerajaan di sekitar abad ke -14.<sup>53</sup>

Pengkaji sejarah seperti Newbold dan lain-lain menyatakan pada sekitar abad ke-9 Masihi sehingga tahun 1511 orang-orang Minangkabau telah keluar dari dataran tinggi di pedalaman ke kawasan timur Sumatera. Antara kawasan yang mereka terokai ialah Jambi, Palembang dan Siak di mana mereka menjalankan kegiatan perniagaan ,membuka petempatan dan kawasan pertanian. Kemudiannya mereka atau generasi kedua telah merantau pula ke semenanjung Tanah Melayu terutamanya ke Tumasik. Dari Tumasik pada sekitar abad ke-12<sup>54</sup> mereka berhijrah ke utara iaitu di Kuala Muar dan Kuala Penajoh<sup>55</sup> dan membuka petempatan baru yang berbentuk sementara-kekalkan di bahagian pedalaman atau hulu Sungai Penajoh dan Sungai Siput, yang terletak dalam kawasan Rembau dan Naning sekarang.

Terdapat juga petunjuk dan keterangan lain yang boleh dijadikan panduan dan pedoman untuk membuktikan kedatangan dan pembukaan awal orang Minangkabau di Negeri Sembilan. Keterangan tersebut ialah berdasarkan makam yang terdapat di


<sup>51</sup> Wilkinson, R.J. 1911. Notes of Negeri Sembilan dalam papers on Malay subjects. Kuala Lumpur: OUP. Hlm.271 – 321.

<sup>52</sup> Micheal G. Peletz. Siblingship and sosial structure in Negeri Sembilan. Perspectives from myth, history and the present. Hlm. 73.

<sup>53</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Fajar bakti Sdn. Bhd.. Hlm.78.


<sup>54</sup> Newbold, T.J. 1839. British settlement in the straits of Malacca. Vol. II. London: Murry. Hlm.77.

<sup>55</sup> Pada zaman pemerintahan Hayam Wuruk (1350 –1389 ) Sang Hyang Hujung atau Tanjung Tuan (Coedes, 1968 : 244 : Wojowasito , 1960 : 60 ) sekarang adalah sebuah daripada pusat negeri yang diperintah oleh Majapahit. Besar kemungkinan Kuala Penajoh merupakan salah satu pusat petempatan dan perdagangan yang terlingkung di bawah Sang Hyang Hujung.



#### Petunjuk

Abad 13 (± 1260) Tarikh berlaku penghijrahan dengan anggaran tahun bermulanya pergerakan.



Penghijrahan awal




Penghijrahan generasi pertama



Penghijrahan generasi kedua dan seterusnya (bersifat sementara-kekal; dan kekal)

Peta 4. Pola pergerakan penghijrah ke Rembau pada zaman awal abad 13 (1260)

( Sumber : Warisan 23, Persatuan Sejarah Negeri Sembilan )



#### Petunjuk

- Abad 13 (+ 1260) Tarikh berlaku penghijrahan dengan anggaran tahun bermulanya pergerakan.
- > Penghijrahan bersifat sementara-kekal
- > Penghijrahan kekal
- x x x x x Sempadan kerajaan Rembau sebelum abad ke-19
- o o o Sempadan daerah Rembau kini
- o o o Sempadan negeri

Peta 4. Pola pergerakan penghijrah ke Rembau dari abad ke 13 hingga 16  
( Sumber : Warisan 23, Persatuan Sejarah Negeri Sembilan )



Pengkalan Kempas Linggi dalam daerah Port Dickson. Di dalam kompleks sejarah tersebut terdapat sebuah makam lama yang dikatakan milik Sheikh Ahmad Majnun yang telah meninggal dibunuh pada tahun 1467. Di samping itu terdapat batu-batu megalith yang dikatakan menyerupai batu bersurat di Batu sangkar dan Pagar Ruyung. Oleh itu terdapat petunjuk, bahawa Almarhum Sheikh Ahmad berasal dari Minangkabau. Terdapat juga perkataan 'Allah' dan 'Bismillahirrahmannirrahim' pada batu nisan yang menunjukkan Sheikh Ahmad dan pengikutnya telah memeluk agama Islam.<sup>56</sup>

Walau bagaimana pun terdapat beberapa keraguan yang dipertikaikan oleh ahli sejarah tentang makam tersebut. Mohd Dahlan Mansoer menyatakan bahawa rupa dan kata-kata yang tercatat di batu nisan di Batu Sangkar dan Pagar Ruyung masih boleh dipertikaikan lagi. Perkataan 'Allah' dan "Bismillahirrahmanirrahim" yang terdapat di kedua makam tersebut dikatakan mempunyai unsur Islam. Kenyataan inilah yang ditolak oleh Mohd Dahlan Mansoer dengan menyatakan bahawa sepanjang pengetahuannya tiada batu nisan yang bertulis Arab di kedua tempat tersebut.<sup>57</sup>

Terdapat juga persoalan tentang gelaran 'Sheikh' ,adakah Sheikh Ahmad ini dari keturunan Arab atau berbangsa Arab yang datang untuk berdagang dan menyebarkan agama Islam. Stein Van Callenfals seorang British menegaskan bahawa batu bersurat di Pengkalan Kempas itu bukan menunjukkan pengaruh Arab di Tanah Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Winstedt juga mencurigai dan menafikan ukiran perkataan 'Allah' di makam Sheikh Ahmad dengan menjelaskan bahawa Islam datang lewat dari tarikh 1467. Beliau berpendapat:

*"... ..when the first Malays immigrated from Minangkabau to Alor Gajah and Naning in Malacca territory,they were not yet Muslim and the Portuguese recorded that the inland Minangkabau were still Pagan in the first half of the 16<sup>th</sup> century conversion to Islam spread inland... .. From the coast and early Muslim converts in Alor Gajah and Kuala Pilah may have removed pairs of stones from existing alignments to serve as gravel stones".<sup>58</sup>*

<sup>56</sup> Lihat Abdul Samad Idris. 1970. Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari segi sejarah dan kebudayaan. Seremban:Pustaka Asas Negeri. Hlm. 13-16. Lihat juga Abul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan sejarahnya. Kuala Lumpur:Utusan Melayu Berhad. Hlm. 8.

<sup>57</sup> Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan: Tinjauan kaitan sejarah dan kebudayaan. Kertas kerja seminar persejarah dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri. Negeri Sembilan. Hlm. 4-5.

<sup>58</sup> Mubin Sheppard. 1962. Megalith in Malacca and Negeri Sembilan. Federation Meseum Journal. vol. 7. new series. Kuala Lumpur: Museum Department. Hlm. 72-74.





Foto 1. Makam Sheikh Ahmad Majnun  
Di Pengkalan Kempas, Linggi,  
Port Dickson, Negeri Sembilan.








Foto 2. Batu-batu megalith yang terdapat di Komplek Bersejarah Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Sejarah Minangkabau (1970) bahawa hubungan sejarah ikatan pertalian darah dan tali-temali kebudayaan di antara Negeri Sembilan dengan Minangkabau telah bermula dan berkembang pada zaman kerajaan Sri Wijaya di Sumatera Tengah (sekitar abad ke 6 dan 7). Proses ini berterusan hingga ke zaman pemerintahan kerajaan Pagar Ruyung pada abad ke IV dan seterusnya sehingga Raja Negeri Sembilan ( Yang Di Pertuan Besar) Negeri Sembilan yang pertama, kedua dan ketiga adalah didatangkan terus dari keturunan Raja Pagar Ruyung.

Terdapat berbagai pendapat dan pandangan yang saling bercanggah mengenai sejarah awal orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Tetapi pada hakikatnya orang-orang Minangkabau berhijrah ke Negeri Sembilan adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan dan mereka datang sejak sepuluh abad yang lalu. Berdasarkan pendapat-pendapat sejarawan dapat dibuat kesimpulan bahawa orang Minangkabau yang berhijrah ke Negeri Sembilan datangnya dari Luhak Nan Tigo, iaitu:

1. Luhak Limo Puluh Kota, arah ke Timur Laut luak Agam dengan Paya Kumbuh sebagai ibukotanya.
2. Luhak Agam di sekitar Lembah Gunung Merapi Singgalang dengan Bukit Tinggi sebagai ibukotanya.
3. Luhak Tanah Datar ialah tanah datar arah ke Timur daripada Luhak Agam dengan Batu Sangkar sebagai ibukotanya.

Ketiga-tiga luhak ini lebih dikenali sebagai 'Daro' (darat atau pendalaman)<sup>59</sup>

Sehingga abad ke-16 didapati perkampungan orang Minangkabau makin meluas di pantai barat Tanah Melayu. Perkara ini dapat dilihat dari laporan yang dibuat oleh orang Portugis yang menyatakan pada tahun 1586 orang-orang Minangkabau telah membantu Johor menyerang Portugis di Melaka. Serangan ini dilakukan oleh Naning bersama Johor yang pada masa itu merupakan musuh Portugis. Ketika Melaka kalah kepada Portugis, Sultan Melaka membuat pusat di Johor. Orang-orang Minangkabau tetap setia kepada Johor dan Johor pula menaungi daerah-daerah Naning.<sup>60</sup>

<sup>59</sup> Mohd Dahlan Mansoer. 1974. Hlm. 5.

<sup>60</sup> Hubungan ini masih terdapat dalam terambo adat: 'Bertuan ke Johor, beraja ke Siak, berpengkalan ke Melaka, bermak ke Naning, berulur jumbai ke tanah Jelebu'. Lihat juga Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan The history, polity and beliefs of the nine states. JMBRAS. vol. 12. Singapore. Hal. 45.

#### 4.2 Proses dan cara-cara penghijrahan dan pembukaan petempatan

Secara umumnya penghijrahan orang Minangkabau ke Tanah Melayu dan Negeri Sembilan khususnya dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu :

- a. Penghijrahan berbentuk berperingkat
- b. Penghijrahan berbentuk langsung.

Penghijrahan berbentuk berperingkat telah bermula di sekitar abad ke -9 Masihi sehingga ke zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka, di sekitar tahun 1500 Masihi. Pada zaman awal penghijrahan orang Minangkabau ini mereka membuka kawasan sekitar Jambi, Palembang dan Siak. Mereka membuat petempatan dan kawasan pertanian. Mereka atau generasi kedua ini meneruskan perantauan ke Semenanjung Tanah Melayu terutama ke Tumasik. Dari Tumasik mereka berhijrah pula ke utara di Kuala Muar dan Kuala Penajoh dan membuka petempatan di bahagian pendalaman atau hulu Sungai Panajoh dan Sungai Siput, yang terletak dalam kawasan Rembau dan Nanning sekarang. Mengikut Terombo Adat Perpatih Nanning yang ditulis oleh Shahba<sup>61</sup> mengatakan bahawa orang yang mula-mula datang dari Minangkabau lalu turun ke Kampar, ke Siak, ke Bengkalis, ke Bukit Batu dan melilit Pulau Percha terus menyeberang Selat Melaka kemudian mudik Sungai Linggi iaitu Datuk Perpatih Pinang Sebatang serta rombongannya. Dalam mencari tempat perkampungan itu, Datuk Perpatih telah sampai ke satu tempat yang sekarang dikenali Sungai Linggi.


R.O.Winstedt pula berpendapat kedatangan orang Minangkabau ini adalah secara berperingkat-peringkat. Mereka datang dengan menaiki perahu dan mendarat di Melaka melalui dua jalan sungai iaitu Sungai Melaka dan Sungai Linggi.<sup>62</sup> Norhalim Hj. Ibrahim menegaskan penghijrahan awal orang-orang Minangkabau mungkin bermula sejak abad ke-12 sehingga ke akhir abad ke-14, datang dalam kumpulan kecil. Kedatangan mereka adalah bermusim. Petempatan yang mereka buat adalah petempatan sementara. Justeru itu walaupun telah melalui masa yang lama, bilangan mereka yang kekal di Rembau tidak ramai.<sup>63</sup>

Ahli-ahli sejarah berpendapat orang Minangkabau yang berhijrah melalui Sungai Linggi telah berpecah kepada dua kumpulan, satu kumpulan meneruskan

<sup>61</sup> Shahba. 1951. Pustaka Nanning. Kuala Pilah: Sentosa Store.

<sup>62</sup> Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan: The history, polity and belief of the nine states. JMBRAS. vol. 12. Hlm. 44.

<sup>63</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. Negeri yang sembilan. Shah Alam: Fajar Bakti. Hlm. 70.



Peta 6. Peta Sungai Linggi dan kawasan sekitarnya




Foto 3. Sungai Linggi dan kesan-kesan  
Pelabuhan Pengkalan Kempas.

perjalanan hingga ke kawasan pendalaman dan bertemu dengan orang Minangkabau yang melalui Sungai Melaka. Satu kumpulan lagi meneruskan perjalanan ke arah Negeri Sembilan. Oleh itu kawasan Melaka utara atau Naning ketika itu diadapati didiami oleh penduduk yang berketurunan Minangkabau.


Penghijrahan langsung telah berlaku di zaman kerajaan Melayu Melaka. Selain penghijrahan berperingkat, orang Minangkabau telah datang terus dari tanah tinggi pulau itu ke Melaka. Akibat dari penghijrahan yang tidak putus-putus maka petempatan yang sebelum bersifat sementara-kekal menjadi petempatan kekal. Norhalim Hj. Ibrahim menjelaskan mereka datang bukan lagi untuk berdagang yang bermakna petempatan sementara, tetapi untuk meneroka kawasan baru iaitu membuat perkampungan kekal. Mereka masih datang dalam kumpulan kecil, kedatangan mereka adalah lebih kerap. Dengan itu pada perkiraan akhir, bilangan orang Minangkabau yang menetap di Rambau adalah lebih ramai walaupun dalam tempoh masa yang singkat berbanding dengan corak penghijrahan sebelum itu.<sup>64</sup>

Dalam abad yang berikutnya, dari Rambau dan Naning orang-orang Minangkabau telah berhijrah pula ke kawasan lebih pendalaman seperti Johol, Ulu Muar, Seri Menanti dan Gunung Pasing. Di samping itu, sebahagian dari para penghijrah Minangkabau telah memudiki Sungai Muar ke kawasan hulunya atau melalui Jalan Penarikan untuk membuka Jelebu, Jempol dan Ulu Muar.<sup>65</sup> Perlu juga dijelaskan pada zaman awal penghijrahan Minangkabau lebih tertumpu ke daerah Rambau, Naning (Melaka), Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu. Sangat sedikit bilangan mereka yang membuat petempatan di Sungai Ujung (Seremban).

Daripada penjelasan yang dibuat dapatlah dirumuskan dari Naning dan kemudiannya ke Rambau orang-orang Minangkabau telah merantau ke seluruh pelusuk Negeri Sembilan. Kerajaan Rambau telah muncul dari tahun 1540 dan mula berkembang sehingga sampai kemuncak keagungannya pada sekitar pertengahan awal abad ke 17. Rambau pada tahun-tahun berkenaan telah menjadi pusat sosial, ekonomi dan politik serta budaya bagi sembilan buah rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. Fakta ini diakui secara rasmi oleh kerajaan Belanda di Melaka melalui perjanjian persahabatan yang ditandatangani pada tahun 1646 antara

<sup>64</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti. Hlm. 71.

<sup>65</sup> Untuk keterangan lanjut tentang jalan ini lihat Buyung Adil. 1952. *Sejarah Alam Melayu*.



Peta 7. Peta menunjukkan Melaka dan sebahagian daripada Selangor, Negeri sembilan, Johor dan Pahang dalam tahun 1875.  
( Sumber : Arkib Negara Malaysia )



kerajaan Rembau dengan kerajaan Belanda di Melaka<sup>66</sup>. Dalam surat perjanjian berkenaan, kerajaan Rembau telah disebut sebagai “Rembau and its nine states”.

Satu persoalan menarik yang perlu dijelaskan juga ialah sejauh manakah kejayaan penghijrahan Minangkabau membuka petempatan dan penerimaan anak watan terhadap perantau Sumatera. Norhalim Hj. Ibrahim<sup>67</sup> menjelaskan perkembangan petempatan perantau Minangkabau di Negeri Sembilan mengandungi tiga tahap yang berjalan dengan serentak. Ia bermula dengan kompromi politik-budaya, diikuti dengan proses pengambilan tanah dan kegiatan ekonomi yang sehubungan dan akhirnya mengasaskan sistem adat dan tradisi yang berkaitan dengannya.

Dalam menjelaskan tentang proses ini beberapa faktor asas biasanya dialami oleh perantau iaitu melalui proses seperti yang diistilahkan oleh sarjana sains sosial dan antropologi sebagai asimilasi, integrasi, amalgamasi, akulturasi dan adaptasi. Di Negeri Sembilan pendatang-pendatang Minangkabau ini lebih mengekalkan cara dan sistem hidup bermasyarakat mereka berbanding dengan tempat lain, di mana mereka lebih asimilasi dengan penduduk tempatan atau membentuk kumpulan kecil sambil menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling. Ismail Abdul Hadi menyatakan anak watan telah membenarkan puak pendatang untuk mengembangkan adat istiadatnya di petempatan mereka tidak dengan paksa dan peperangan tetapi hanya dengan cara persetujuan, perjanjian atau persemendaan.<sup>68</sup> Melalui ‘persetujuan’ dan ‘perjanjian’ ini mengimplikasikan bahawa proses mewujudkan sistem Adat Perpatih di kalangan masyarakat orang asli Negeri Sembilan telah berlaku secara semi-formal, secara sedar dan bersengaja. Walau bagaimanapun Norhalim Hj Ibrahim menyatakan oleh kerana latar belakang budaya dan pengalaman yang lebih maju, maka golongan perantau tadi berkemampuan melaksanakan tradisi mereka di tempat baru itu, sama ada secara halus atau paksa. Dengan cara inilah sistem adat Minangkabau itu diasaskan sebagai dominan di Negeri Sembilan.<sup>69</sup>

<sup>66</sup> Newbold, T.J. 1834. Hlm. 256.

<sup>67</sup> Norhalim Hj Ibrahim. 1993. Hlm. 95.

<sup>68</sup> Ismail bin Abdul Hadi. 1997. Beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau, bertali ke Siak. Warisan 20. Hlm. 52-68.

<sup>69</sup> Norhalim Hj Ibrahim. 1993. Hlm. 95.

Baharom Azhar pula menyatakan orang asli puak Jakun sebelum kedatangan orang Sumatera telahpun mengamalkan sistem nasab ibu (matrilineal).<sup>70</sup> Oleh kerana terdapat persamaan dari segi fizikal, budaya dan cara hidup ini memudahkan lagi proses penerimaan pendatang Sumatera ini. Hubungan ini dipereratkan lagi melalui perkahwinan atau persemendaan antara sesama mereka. Walau bagaimanapun tidak ada syarat di dalam proses persemendaan antara orang Minangkabau dengan anak-anak gadis Jakun. Persemendaan berlaku kerana kehendak dan keperluan semulajadi. Oleh itu kewujudan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah melalui proses *modus vivendi*, yakni atur cara tolak ansur. Mengikut Shamsul Amri (1994:169), *modus vivendi* antara kedua-dua suku bangsa ini berlaku pelbagai cara; sama ada asimilasi melalui persemendaan, secara akomodasi atau pengakuan hak anak watan.<sup>71</sup>

Berdasarkan penjelasan tersebut dapatlah dibuat rumusan bahawa penyerapan ‘adat istiadat’ antara kedua-dua sukubangsa itu berlaku atas dasar hormat-menghormati dan perasaan suka rela. Proses “membuat persetiaan dan perjanjian” dan “bersetuju mengembangkan” atau kedua-dua suku bangsa itu tidak pernah berlaku. Malah mereka memegang kepada pertatah-petitih:

*Masuk kandang kerbau, menguak,  
Masuk kandang kambing, membebek,  
Di mana bumi dipijak,  
Di situ langit dijunjung.*

#### 4.3 Kedatangan Putera Raja Minangkabau

Sebelum daerah-daerah dalam Negeri sembilan bersatu, pemerintahn kawasan tersebut diatur oleh pemerintahan Sultan di Melaka. Apabila Melaka dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511 dan berdirinya pemerintahan Sultan di Johor, Negeri Sembilan diperintah pula oleh Sultan Johor. Pemerintahan di daerah-daerah di Negeri Sembilan ditadbir oleh seorang ketua yang dipanggil Penghulu Luak yang

<sup>70</sup> Baharom Azhar bin Raffiei. 1994. Perhubungan inter etnik dalam masyarakat adat. Dalam Samad Idris, A. Norhalim Hj Ibrahim dll. (ed). Adat Merentas zaman. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan. Hlm. 140-143.

<sup>71</sup> Shamsul Amri Baharuddin. 1994. Adat Perpatih mencabar zaman: suatu ulasan seimbis pandang, dan A. Samad Idris, A., Norhalim Hj Ibrahim ,dll. (ed) .Adat merentas zaman. Seremban. Hlm. 166-178.

kemudiannya bergelar Undang. Setiap Undang Luak mempunyai kuasa pemerintahan sendiri yang dibantu oleh Dato'-dato' Lembaga, Buapak dan waris menurut sistem Adat Perpatih. Penghulu-penghulu Luak ini telah diberi kuasa dan cop mohor oleh Sultan Johor.

Sekitar tahun 1760, kesultanan Johor mengalami peperangan dengan pihak Belanda yang mengakibatkan kedudukan Sultan Johor menjadi lemah. Kedudukan itu ditambah lagi dengan serangan pihak orang-orang Aceh dan Bugis. Orang Bugis telah mengambil kesempatan dengan membuat kacau, maka berlakulah pergaduhan yang ditimbulkan oleh Daeng Kemboja. Beliau memaksa orang Negeri Sembilan supaya tunduk dan beraja kepadanya, tetapi orang Negeri Sembilan menolak paksaan tersebut kerana mereka berasal dari Minangkabau. Kelemahan kesultanan Johor itu menandakan kawalan ke atas Negeri Sembilan semakin longgar. Sultan Johor telah menitahkan orang-orang di kawasan Negeri Sembilan yang kebetulan dari keturunan Minangkabau supaya mencari seorang raja atau sultan ke Minangkabau.<sup>72</sup>

Pada tahun 1770 perutusan pemegang-pemegang Adat atau Pemegang Undang-undang dari Negeri Sembilan telah berangkat menuju ke Minangkabau, terus ke Pagar Ruyung untuk mencari seorang raja atau seorang sultan. Akhirnya, Raja Melewar telah ditabalkan di Penajis, Rembau dan kemudiannya berpindah ke Seri Menanti pada tahun 1773. Sebelum baginda ditabalkan Raja Melewar terpaksa mengalahkan angkatan Bugis yang membuat kacau di Negeri Sembilan, serta berperang dengan Raja khatib yang mengaku telah diutuskan oleh Raja Pagar Ruyung.<sup>73</sup>

Sebenarnya pengalaman kerajaan Rembau dan luak-luak lain bersama-sama dengan putera-putera Bugis, serta untuk menjaga kestabilan politik dan ekonomi telah menguatkan lagi keinginan Rembau dan Negeri Sembilan untuk mendapatkan seorang 'raja' atau seorang penaung untuk menjadi lambang keadilan. Konsep keadilan ini banyak tersebut di dalam berbagai perbilangan adat yang memperihalkan struktur dan organisasi sosio-politik Negeri Sembilan (Adat Perpatih).

<sup>72</sup> Lihat Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri sembilan dan sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad. Hlm. 18-28. Juga lihat Abdul Samad Idris. 1970. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari segi sejarah dan kebudayaan*. Seremban: Pustaka Asas Negeri. Hlm. 22-29. Juga lihat Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti. Hlm 127-140.

<sup>73</sup> Untuk melihat peristiwa kedatangan Putera raja Minangkabau lihat Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti. Juga lihat Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.

Apa yang penting mengenai kedatangan putera Raja dari Minangkabau iaitu Raja Melewar di awal tahun 1700an sebagai Yamtuan Besar Rembau dan Negeri Sembilan telah melengkapkan struktur dan organisasi sosio-politik di Negeri Sembilan. Ianya lengkap dari segi tuntutan keperluan sistem politik dan keperluan sosial Adat Perpatih bagi sebuah rantau Minangkabau. Rembau dan Negeri Sembilan mengambil masa kurang lebih enam ratus tahun untuk muncul sebagai sebuah *Kerajaan Persekutuan*. Untuk sampai ke tahap ini Rembau terpaksa berkembang melalui tiga peringkat utama iaitu:

- a. Pembentukan petempatan (abad ke 11 /12 ) sehingga wujud atau terdiri sebuah kerajaan di abad ke enam belas (1540)
- b. Perkembangan dan pembangunan sistem sosial dan sistem politik Adat Perpatih di Rembau yang membolehkan Rembau menjadi rantau Minangkabau yang ulung di Semenanjung Tanah Melayu ( 1540-1673)
- c. Pembentukan persekutuan Negeri Sembilan dengan Rembau sebagai pusat sosio-politik-budayanya. Peringkat ini mengambil masa tidak kurang dari tiga puluh tahun, iaitu sejak kedatangan Raja Ibrahim (1673) sehingga terlantiknya Raja Melewar sebagai Raja/Yamtuan Besar Rembau (1700)<sup>74</sup>

Kehadiran putera-putera raja Minangkabau ini sesungguhnya telah merubah kedudukan sosio dan politik di Negeri Sembilan. Negeri Sembilan yang sebelum itu didatangi oleh penghijrah-penghijrah Minangkabau telah membuka petempatan dan akhirnya mereka menjemput raja dari Minangkabau untuk menjadi seorang penaung. Akhirnya luak-luak dalam Negeri Sembilan yang memerintah secara sendiri-sendiri telah bersatu.

## **5.0 PENEROKAAN DAN PERKEMBANGAN ORANG MINANGKABAU DI LUAK JELEBU**

### **5.1 Penerokaan awal.**

Jelebu merupakan sebuah daerah yang terletak di sebelah Timur Negeri Sembilan. Daerah Jelebu disempadani oleh Pahang di sebelah Utara, Selangor di

<sup>74</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Adat Negeri Sembilan melalui masa. Warisan 17. Hlm. 23.

sebelah Barat, Jempol di sebelah Timur dan daerah Seremban dan Kuala Pilah di sebelah Selatan. Sempadan luak adalah mempunyai sempadan yang sama dengan sempadan daerah Jelebu. Dari sudut geografi bentuk muka buminya adalah berbukit bukau. Sungai Teriang merupakan sungai utama di Jelebu yang mengalir masuk ke sungai Pahang. Cabang sungai-sungai yang lain pula mengalir masuk ke Sungai Teriang. Dari segi perkembangan sejarah Jelebu peranan sungai Teriang sangat penting sebagai laluan peneroka-peneroka di masa lampau.

Terdapat banyak sumber-sumber lisan yang mempunyai unsur-unsur mitos mengenai sejarah Jelebu. Bagaimana pun unsur-unsur mitos ini tidaklah boleh diketepikan sebagai asas sejarah yang boleh dijadikan titik tolak untuk mendapatkan fakta-fakta kajian. Pengkaji-pengkaji barat juga telah banyak memberi sumbangan dalam membuat kajian awal mengenai sejarah Luak Jelebu, antaranya Newbold, Winstedt dan O'Brien's. Encik O'Brien's telah mencatatkan dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* ( Disember 1884) menyebut, “ *Dalam masa To' Moyang Salleh nama Jelebu masih belum diketahui, dan sehingga beberapa tahun kemudian negeri ini dinamakan Jelebu sempena nama seorang lelaki yang mati lemas dalam Sungai Teriang*”. Hal ini sesuai dengan sumber lisan yang menyebut peneroka asal orang-orang Jakun berladang di sekitar Sungai Teriang. Ketua kumpulan peneroka bernama Jelbu, selepas bekerja di kebunnya Jelbu mandi di Sungai teriang, malangnya beliau telah mati lemas dan dihanyutkan oleh arus sungai. Sempena dengan nama orang Jakun inilah beransur-ansur bertukar menjadi 'Jelebu'.


Peneroka terawal di luak Jelebu terdiri dari orang-orang Jakun, Semang dan Sakai. Dalam 'mentera' Jelebu (terombo) disebut mereka datang ke Jelebu seperti berikut :

*“Mereka menjelajah mengikut hala ke Semujong dan Jelebu seterusnya ke Rembau. Di Jelebu mereka berkediaman di bukit-bukit dari Hulu Teriang ke Gunung Hantu iaitu tempat kediaman nenek moyang asal daripada zaman dahulu lagi. Mereka dikenali dengan panggilan Jakun (Biduanda). Apabila orang sudah ramai dilantiknya batin ketuanya dan Jenang pembantunya menguruskan hal puak-puaknya.”<sup>75</sup>*

Sumber lisan merupakan satu permulaan kepada pensejarahan Luak Jelebu walaupun ia diselubungi oleh mitos. Sejarah penerokaan awal masih boleh dipegang

<sup>75</sup> Abdul Samad Idris, dll. 1994. Negeri Sembilan gemuk berpupuk segar bersiran Luak Jelebu. Seremban. Hlm. 4.

**MUKIM – MUKIM  
DI DAERAH JELEBU**




Peta 8. Peta menunjukkan mukim-mukim di daerah Jelebu



sekali pun fakta tarikhnya tidak disertakan. Nathans dan Winstedt pernah menulis salasilah Batin-batin pemerintah orang Asli, di mana mereka membahagikan sejarah Negeri Sembilan kepada tiga period, iaitu:

- a. Period permulaan pecahan empat negeri Sakai iaitu Sungai Ujong, Kelang, Jelevu dan Johol
- b. Period kedua ialah peralihan dengan empat negeri Sakai kepada sembilan negeri Minangkabau di bawah naungan Johor.
- c. Period ketiga, disamping empat negeri Sakai, sembilan negeri Minangkabau memerintah sendiri di bawah Yamtuan.

Mengikut mentera (terombo) orang asli telah mencatatkan mengenai Batin Seri Alam memerintah negeri. Beliau mendapat tiga orang anak yang menjadi ketua di luak-luak. Salasilah mereka dicatatkan seperti berikut:



*Rajah 1 . Salasilah ketua-ketua orang asli di Sungai Ujong, Jelevu dan Johol*

Luak Jelevu merupakan di antara empat negeri Sakai pada period permulaan dan dianggap luak tertua di Negeri Sembilan. Luak Jelevu mempunyai hubungan dengan Luak Sungai Ujong semasa Batin Seri Alam. Ini menunjukkan sejak kurun ke 13 Luak Jelevu adalah sebahagian daripada Sungai Ujong. To' Jelondong merupakan tokoh penting dalam penerokaan Luak Jelevu. Nathans dan Winstedt menulis dalam 'papers on Malay Subjects' menyebut To' Jelondong yang meneroka di Jelevu ialah adik perempuan Batin Bercanggih Besi di Sungai Ujong.

Sejarah kedatangan orang-orang Minangkabau ke Jelevu bermula sekitar kurun ke-17 atau awal kurun ke-18. Perpindahan ini didorong oleh pergolakan politik dalam kerajaan Melayu Melaka dan kemudiannya kerajaan Melayu Johor. Sebagaimana dijelaskan pada awal tadi sungai merupakan jalan perhubungan yang penting.



Kemasukkan peneroka Minangkabau ke Jelebu dikatakan melalui Sungai Muar dan terus meneroka Jelebu. Penerokaan Jelebu juga mempunyai kaitan dengan pengasas Kelang, orang-orang Minangkabau mudik melalui Sungai Kelang dan masuk ke Jelebu. Jadi penerokaan awal perantau Minangkabau ke Jelebu datang dari pelbagai arah.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Luak Jelebu dalam catatan sejarah menyebut :

*“ Sekali persetua maka tersebutlah kisah serombongan orang-orang Minangkabau yang menumpu ke Jelebu atau Sungai Lumut dengan kebenaran Maharaja Johor, diketuai oleh Dato' Gombak. Kedatangan mereka mengembangkan dan mengajar waris-waris Biduanda di situ akan perihal adat istiadat dan cara-cara pemerintahan yang didapatinya di Pagar Ruyung, Minangkabau. Mula-mula mereka mudik Sungai Muar lalu mendarat di Luak hulu Muar (Kuala Pilah) .Dan dari sana mereka menyusur mengikut Genting Langkap hingga sampai ke hulu Kelembang dan keluar di Ulu Sungai langkap. Apabila dato' Gombak ke situ beliau pun mencari penepatan (yakni ketua-ketua orang-orang Biduanda di situ). Pada masa itu ketua mereka ialah Angsa, atau disebut sekarang Moyang Angsa (Moyang ialah generasi di atas daripada nenek). Untuk mendapat tapak penghormatan maka Dato' Gombak pun menyambung tali silaturahim di antara kedua puak iaitu berkahwin dengan Moyang Angsa.. Dengan perkahwinan inilah adat Perpatih berkembang menjadi dasar pemerintahan dan tatasusila hidup orang-orang di Jelebu. Mereka juga bersetuju melantik Dato Gombak mengendalikan pemerintahan menjadi ketua kaum di Jelebu selepas perkahwinan itu. Bagaimanapun hak kuasa pemerintahan tetap dipegang oleh isterinya Moyang Angsa. Keputusan melantik Dato' Gombak menjadi penghulu atau ketua disampaikan kepada Maharaja Johor bagi mendapat pengesahan. Semua To' Batin-To' Batin di Jelebu menerima perlantikan Dato' Gombak menjadi penghulu ini....”*<sup>76</sup>


Fakta sejarah ini boleh diterima sebagai titik tolak permulaan kedatangan orang Minangkabau ke Jelebu. Kehadiran mereka ke Jelebu telah diterima oleh orang-orang tempatan. Malah telah berlaku persemendaan penduduk tempatan dengan pendatang Sumatera ini di Jelebu. Ahli sejarah berpendapat persemendaan antara

<sup>76</sup> Abdul Samad Idris, dll. 1994. Negeri Sembilan gemuk berpupuk segar bersiram – Luak Jelebu. Hlm. 17-18.

penduduk tempatan dan perantau Minangkabau ini merupakan titik permulaan yang penting dalam mewujudkan sistem Adat Perpatih serta pemerintahan di Jelebu khususnya dan Negeri Sembilan amnya.

Melalui persemendaan ini telah mengukuhkan ikatan persaudaraan dan hubungan kekeluargaan. Bagi pendatang Minangkabau ini mereka telah diterima dan berpeluang pula untuk mengembangkan pengaruh mereka tanpa melalui persekitaran yang sukar. Sebagaimana yang telah dijelaskan To' Jelondong merupakan penerokaan awal ke Jelebu. Suaminya pula bernama Jelbu yang mati lemas semasa mandi di Sungai Teriang. Mereka meninggalkan dua orang anak yang dikenali Moyang Angut dan Moyang Angsa. Sumber sejarah lisan di Jelebu menyebut Dato' Gombak berasal dari Pagar Ruyung, Minangkabau. Beliau telah masuk ke Jelebu dan berkahwin dengan Moyang Angsa. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan pertama antara pendatang Minangkabau keturunan batin-batin pemerintah orang Asli di Jelebu. Sementara itu, semua To' Batin-To' Batin di Jelebu telah bersetuju untuk melantik Dato' Gombak menjadi ketua kaum atau penghulu di Jelebu. Hal ini menunjukkan Moyang Angsa seorang yang sangat memuliakan suaminya. Oleh itu Dato' Gombak merupakan Dato' Penghulu di Jelebu semasa era permulaan persemendaan orang Minangkabau ini.

Melalui perkahwinan Dato' Gombak dengan Moyang Angsa ini, mereka dianugerahkan dua orang anak perempuan iaitu Moyang Acheh dan Moyang Timah. Moyang Acheh telah berkahwin dengan Dato Mentunggang yang juga seorang lelaki keturunan dari Minangkabau. Apabila Dato' Gombak meninggal dunia menantunya Dato' Mantunggang telah dilantik menjadi Dato' Penghulu Jelebu II. Hasil perkahwinan Moyang Acheh dengan Dato' Mentunggang telah dianugerahkan seorang putera yang digelar Moyang Salleh. Moyang Salleh merupakan Penghulu Jelebu III dan seterusnya dilantik menjadi Undang Luak Jelebu yang pertama. Berdasarkan fakta sumber cerita lisan dapatlah dibentuk salasilah persemendaan antara orang-orang Minangkabau dengan penduduk tempatan dari keturunan To' Batin-To' Batin orang asli, seperti berikut:



*Rajah II : Salasilah persemendaan antara orang-orang Minangkabau dengan penduduk tempatan di Jelebu. ( Sumber: Abdul Samad Idris- Luak Jelebu )*

Suku orang-orang Minangkabau yang meneroka di daerah Jelebu adalah terdiri daripada suku Tanah Datar, suku Batu Belang, suku Tiga Batu dan suku Mungkal. Jika berdasarkan kedudukan dalam *Lembaga Yang Lapan* di Jelebu hanya suku Tanah Datar, suku Batu Belang dan suku Mungkal sahaja yang diberi kedudukan penting semasa pemerintahan Dato' Moyang Salleh iaitu Undang Luak Jelebu yang pertama. Sementara suku Tiga Batu telah dihapuskan pesaka lembaganya selepas kedudukan Yamtuan Jelebu dihapuskan oleh Inggeris

Suku Tanah Datar mendiami di Tembun dan Kuala klawang, suku Mungkal meneroka di Jelebu Tengah, Sawah Liat dan Chepum, suku Batu Belang pula membuka penempatan di Teriang dan Kampung Beringin, manakala suku Tiga Batu mendiami di Ulu Kelawang. Menurut fakta orang-orang Minangkabau Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang itu adalah daripada suku Batu Belang. Walau bagaimanapun tidak ada keterangan bertulis mengenai kedua-dua Penghulu Jelebu yang terawal ini. Dalam sumber lisan di Jelebu menyatakan Dato' Gombak berasal dari Pagar Ruyung. Tetapi fakta ini boleh diambil kira kerana bagi penduduk-penduduk Jelebu sesiapa yang berasal dari Minangkabau dikatakan berasal dari Pagar Ruyung.

## **5.2 Penglibatan orang Minangkabau dalam politik, pentadbiran dan sosial-ekonomi di Luak Jelebu.**

### **5.2.1 Penglibatan orang Minangkabau dalam politik dan pentadbiran.**

Dato' Gombak yang berasal dari Minangkabau itu telah berkahwin dengan Dato' Moyang Angsa. Kemudian Dato' Gombak telah dilantik sebagai Penghulu Jelebu yang pertama. Dato' Gombak telah menggunakan pengaruhnya dalam usaha untuk menyusun pentadbiran adat di Jelebu. Usaha itu dicatatkan seperti berikut:

*" .... Oleh sebab orang-orang Melayu Minangkabau itu lebih pandai daripada orang Biduanda di sini, akhirnya dapatlah orang-orang Melayu itu persetujuan mereka mengembangkan adat istiadat di tempat mereka sehingga ke hari*

*ini, tidak dengan paksa atau peperangan hanya dengan persetujuan, perjanjian dan persemendaan... ..”* <sup>77</sup>

Dalam usaha untuk mengukuhkan pengaruhnya ,Dato’ Gombak telah menggunakan kebijaksanaannya. Selepas berkahwin dengan Dato’ Moyang Angsa beliau tidak terburu-buru untuk membuat dan menyusun pentadbiran di Jelevu. Malah beliau menunggu terlebih dahulu kedatangan lebih ramai orang-orang Minangkabau meneroka di Jelevu dan melakukan persemendaan. Dato’ Gombak telah membuka kawasan baru di Hulu Teriang hingga ke Gunung Hantu di sempadan Pahang. Sehingga ke hari ini masih wujud bukti dengan adanya perkampungan orang-orang Minangkabau di Kampung Gagu, Hulu Teriang.

Dato’ Gombak merupakan pengasas pentadbiran di Jelevu. Untuk mengukuhkan kedudukan beliau telah melantik pembantu kanannya Dato’ Menteri (Genta) dan Dato’ Ombi ( Bata) iaitu anak saudara kepada isterinya Dato’ Moyang Angsa. Dato’ Moyang Angut kakak Dato’ Moyang Angsa tidak berkahwin dengan orang Minangkabau. Oleh itu Genta dan Bata tidak mempunyai hubungan darah dengan keturunan Minangkabau.

Selepas Dato’ Gombak meninggal dunia, menentunya Dato’ Mentunggang telah dilantik menjadi Dato’ Penghulu Jelevu yang kedua. Semasa pemerintahannya tidak banyak berlaku pergolakan di Jelevu . Ini disebabkan penduduk di Jelevu belum ramai lagi, manakala kedatangan orang Minangkabau yang berterusan tidak banyak mengubah sistem adat yang sudah ditetapkan oleh Dato’ Gombak. Yang jelasnya semasa Dato’ Gombak dan Dato’ Mentunggang memerintah Jelevu tidaklah seratus peratus mengikut Adat Perpatih. Abdul Samad Idris menjelaskan :

*“ Berdasarkan fakta pemerintahan Johor ini, Dato’ Mentunggang menjadi Penghulu Jelevu mungkin masa dalam pemerintahan Sultan Mahmud Shah II atau Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, 1665 – 699 ) ... .. Dalam masa pemerintahan Sultan Mahmud II di Johor juga, masalah Luak Jelevu tidak diberi perhatian. Ini disebabkan pergolakan di istana menyebabkan penduduk di Jelevu menguruskan kehidupan mereka sehari-hari di bawah kuasa Dato’ Mentunggang*

<sup>77</sup> Abdul Samad Idris, dli. 1994. Negeri Sembilan gemuk berpupuk segar bersiram – luak Jelevu. Hlm. 21.




Foto 4. Makam Moyang Salleh, Undang Luak Jelebu yang pertama di Kampung Bandar Tinggi, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.



sahaja. Oleh itu dalam masa Dato' Gombak dan Dato' Mentunggang, perkara Adat Perpatih belum penting lagi."<sup>78</sup>

Dato Moyang Salleh merupakan Undang Luak Jelebu yang pertama bergelar Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, selepas menjadi Penghulu Luak Jelebu yang ketiga. Datuknya Dato' Gombak dan ayahnya Dato' Mentunggang hanya menjadi Penghulu luak sahaja dengan tidak mempunyai apa-apa gelaran. Peristiwa pemutusan tali ke Johor di zaman pemerintahan Dato' Moyang Salleh menjadi lambang kemerdekaan Luak Jelebu daripada pemerintahan sultan yang zalim. Peristiwa ini telah meletakkan kedudukan Dato' Moyang Salleh amat penting dalam pensejarahan Jelebu, sekaligus telah dianggap sebagai permulaan sejarah moden Jelebu, iaitu sekitar tahun 1757 Masihi. Jelebu pada ketika itu di bawah pemerintahan Sultan Johor telah membuat keputusan memohon merdeka setelah pihak istana enggan melayani permintaan Dato' Moyang Salleh menuntut adat. Langkah Dato Moyang Salleh menuntut adat keadilan ke Johor kerana mempersoalkan tindakan Sultan Muazam Syah membunuh anak Dato' Penghulu Rembau bernama Sri Amat. Dato Penghulu Rembau telah meminta bantuan daripada penghulu-penghulu luak yang lain.

*"Pembunuhan ke atas anak Dato' Penghulu Rembau ini menyebabkan beliau mengadu ke Sungai Ujong, Jelebu dan Johor, mereka kemudian mengambil ketetapan mengutuskan Dato' Moyang Salleh, Penghulu Luak Jelebu mewakili rakan-rakannya mengadap Sultan Johor. Mereka menuntut Sultan memberikan sebab-sebab mengapa Si Amat dibunuh dengan tidak merujuk kepada penghulu-penghulu yang lain"*<sup>79</sup>

Abdul Samad Idris menjelaskan:

*" Pada tahun Masihi 1757 Dato' Moyang Salleh telah pergi mengadap Sultan Johor kerana memohon satu penyelesaian atas perkara pembunuhan anak Undang Rembau yang dilakukan oleh Sultan Johor. Oleh sebab Dato' Moyang Salleh seorang yang bijak dan berani dalam menjayakan perundingan itu, maka beliau telah dianugerahkan oleh Sultan Johor gelaran Dato' Menduleka Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu. Dari semenjak itu Jelebu tidak lagi dibawah naungan Johor, Jelebu adalah berkuasa sendiri yang disebut 'Bergajah Tunggal'. Inilah yang dikatakan 'Memutus tali ke Johor'"*<sup>80</sup>

<sup>78</sup> Abdul Samad Idris, dll. 1994. Negeri Sembilan gemuk berpupuk segar bersiram – Luak Jelebu. Hlm. 22-23.

<sup>79</sup> Abdul Samad Idris, dll. 1994. Luak Jelebu. Hlm. 33.

<sup>80</sup> Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan sejarahnya. Hlm. 92.



Dalam catatan sejarah lisan di Jelebu mencatatkan:

*“ Apa hajat Orang Kaya Jelebu mengadap dengan tidak memberitahu terlebih dahulu”, titah Sultan segaja berpura-pura tidak mengetahui tujuan kedatangan Moyang Salleh. Dalam keadaan marah itulah Moyang Salleh berkata “ Jelebu nak keluar dari perintah Johor, sekarang putuslah tali ke Johor!”. Sekalipun berat mahu menerima keputusan tersebut, tetapi Sultan Johor terpaksa mengalah. Permintaan Moyang Salleh tidak mahu lagi bertuan ke Johor diterima. Beliau kemudian digelar Dato’ Mendelika<sup>81</sup> Akhir Zaman, Sultan Jelebu , dan diberi cop mohor sebagai pemerintah ‘Bergajah Tunggal’.<sup>82</sup>*

Selepas peristiwa yang penting itu iaitu memutus tali ke Johor Dato’ Moyang Salleh telah menyusun pemerintahan dan mengendalikan pentadbiran di Luak Jelebu. Satu hal yang menarik ialah penolakan tawaran menjadi Sultan Jelebu oleh Sultan Johor. Dato’ Moyang Salleh menolak tawaran tersebut kerana menyedari bahawa beliau bukan dari keturunan raja. Sebelum Dato’ Moyang Salleh menyusun peraturan pemerintahan di Jelebu, beliau terlebih dahulu membentuk tatacara pembahagian waris dengan tiga cara iaitu :


- i. Waris Ulu Jelebu, merangkumi Ulu Jelebu, Langkap dan Jenam anak Sungai Jelebu.
- ii. Waris Sarin iaitu Sungai Sarin, Pah dan Relai semuanya bersatu dengan Sungai Teriang selepas tiga batu di hilir Kuala Jelebu.
- iii. Waris Kemin meliputi tempat yang bernama Kemin, lebih kurang dua batu di hulu Sungai Kelawang dari Kuala Jelebu dan juga tanah dekat Sungai Teriang lebih kurang suku batu di kiri kanan kampung Bemban sekarang ini.

Melalui pembahagian kawasan waris ini memudahkan perlantikan penyandang pesaka Undang Luak Jelebu dipilih bergilir-gilir daripada tiga waris yang dinamakan “Waris Berundang” dan bergelar Dato’ Mendelika Menteri Akhirulzaman.

Seterusnya Dato’ Moyang Salleh telah membuat penyusunan dan perlantikan Dato’-dato’ Lembaga. Melalui perlantikan Dato’-dato’ Lembaga ini memudahkan pengendalian pentadbiran Luak Jelebu. Mereka yang dilantik oleh Moyang Salleh ialah :

<sup>81</sup> Mendelika bermaksud Merdeka.

<sup>82</sup> Abdul Samad Idris. Luak Jelebu. Hlm. 35.



Cop Mohor Dato' Penghulu Jelebu  
Yang dikurniakan oleh Sultan Johor.

Foto 5. Cop Mohor Dato' Penghulu Jelebu yang  
dikurniakan oleh Sultan Johor.

- i. Dato' Genta daripada perut Meribong waris Menteri sebagai waris Salasilah dan Berundang, diangkat menjadi menteri kepada Dato' Mendika Menteri Akhirzaman Undang Jelebu.
- ii. Dato' Bata daripada perut Larong waris Salasilah dan Berundang menjadi Dato'Ombi Pangkal Maharaja Lela ,Tali Pesaka.
- iii. Dato' Bakok daripada perut Kampung Bukit dan waris Berundang menjadi lembaga suku Mungkal, Dato' Mengiang Merah Bangsa.
- iv. Dato' Dagang daripada perut Tembun dari keturunan Minangkabau iaitu suku Tanah Datar menjadi lembaganya bergelar Dato' Chinchang Maharaja Lela.
- v. Dato' Ainsha daripada perut Teriang dari keturunan Minangkabau iaitu suku Batu Belang menjadi lembaganya bergelar Dato' senara Angsa.
- vi. Dato' Munok daripada waris Ulu Jelebu menjadi Waris Ulu Jelebu dengan gelaran Dato' Raja Balang.
- vii. Dato' Mundok daripada waris Sarin menjadi Tua waris Sarin bergelar Dato' Paduka Menti.
- viii. Dato' Tatang daripada waris Kemin menjadi Tua Waris Kemin bergelar Dato' Maharaja Inda.

Sistem adat yang disusun oleh Dato' Moyang Salleh adalah mengikut seperti mana yang dilaksanakan di Minangkabau, walau bagaimanapun terdapat ubahsuaian mengikut keadaan masyarakat setempat. Jawatan dalam satu-satu waris atau "Pesaka Jelebu" masih kekal sehingga sekarang. Untuk menentukan penyandang yang layak menjadi Undang Luak Jelebu ,maka latar belakang seseorang yang dipilih itu perlulah disiasat mengikut perbilangan adat ;

*Dahaga dahagi*

*Sumbang sulit*

*Membuat rumah dalam rumah semenda*

*Satu diberi dua diambil*

*Palesit dua sekampung*

*Enau sebatang dua sigai*

## Senarai 1

Senarai nama Undang yang memerintah Luak Jelebu dari tahun 1757 hingga sekarang ( 2001)

1.	Dato' Moyang Salleh	Waris Ulu Jelebu
2.	Dato' Bukor	Waris Ulu Jelebu
3.	Dato' Bakul	Waris Ulu Jelebu
4.	Dato' Yunus	Waris Ulu Jelebu
5.	Dato' Lob	Waris Sarin
6.	Dato' Duraman	Waris Kemin
7.	Dato' Durongga	Waris Ulu Jelebu
8.	Dato' Pandak	Waris Sarin
10.	Dato' Haji Ibrahim	Waris Kemin
11.	Dato' Saiyid Ali	Waris Ulu Jelebu
12.	Dato' Abdullah	Waris Sarin
13.	Dato' Shahmarudin	Waris Kemin
14.	Dato' Abu Bakar	Waris Ulu Jelebu
15.	Dato' Musa bin Wahab	Waris Sarin

Bakal penyandang Pesaka Jelebu akan diteliti terlebih dahulu peribadinya terutama yang berkaitan dengan agama seperti murtad, bercina buta ( ambil upah talak tiga ) dan terbabit dengan jenayah tidak layak menyandang jawatan tersebut. Dato' Moyang Salleh juga telah menyusun beberapa peraturan tentang kuasa dan peranan undang, adat istiadat perlantikan undang dan peranan Lembaga Yang Berlapan (Delapan) seperti berikut :

- i. Undang Luak Jelebu tidak dibenarkan menambah atau menukar peraturan adat dengan tidak mendapat kebenaran Lembaga Berlapan. Hanya Lembaga Yang Berlapan ini sahaja berkuasa dalam pemilihan, perlantikan dan mengesahkan pesaka yang disandang oleh kalangan mereka termasuklah pesaka Undang Luak Jelebu sendiri.
- ii. Sekiranya Undang Luak meninggal dunia, maka Dato' Menteri Lembaga yang terkanan daripada waris Menteri akan memangku pesaka dan segala perintahnya dianggap sebagai sabda Undang. Dato'-dato' Lembaga kemudiannya akan mendapatkan Dato' Menteri untuk melantik Undang Luak yang baru.
- iii. Pemilihan akan dimulakan dengan Dato' Ombi menjemput Waris Yang Tiga iaitu Waris Berundang mengemukakan calon. Dato' Ombi akan menilai dari segi hak dan pesaka sebelum diserahkan kepada Dato' menteri yang akan menilai dari segi adat pula. Keputusan Dato' Ombi dan Dato' Menteri ini akan dikemukakan pula kepada Lembaga Yang Berlapan dan disinilah terletaknya "kata muktamad".
- iv. Lembaga Yang Delapan pula terbahagi kepada tiga iaitu waris asal Negeri, Waris Berundang dan Lembaga Yang Tiga. Semua suku-suku dan waris-waris dalam Lembaga yang Delapan ini adalah mewakili adat dalam perlembagaan Luak jelebu. Waris asal Negeri dan waris Berundang adalah mewakili suku Biduanda, manakala Lembaga Yang Tiga pula daripada suku Mungkal, suku Tanah Datar dan suku Batu Belang.
- v. Semua pesaka di dalam perlembagaan Adat Perpatih adalah dipilih berdasarkan pesaka dan giliran. Dasar pesaka itu adalah menurut dasar warisan. Pesaka Undang Luak Jelebu misalnya diwarisi oleh Waris Berundang yang tiga carak. Salah satu daripada waris berkenaan

berhak menyandang pesaka mengikut giliran yang ditetapkan sejak Moyang sallah

- vi. Perlantikan Dato' Lembaga ( disebut tua suku) adalah berdasarkan giliran.Mereka digilirkan mengikut perut yang terlingkung dalam suku masing-masing.Sementara lantikan buapak masing-masing tidaklah mengikut giliran,tetapi diwarisi oleh satu-satu perut sahaja disebabkan mereka berasal daripada satu carak sahaja.Dasar adat yang dijalankan turut temurun ialah :

***Kebulatan menjadikan***

***Tiada kebulatan menyerah***

- vii. Jikalau ada bantahan di dalam sesuatu lantikan buapak maka pemilihan tersebut gugur dengan sendirinya kerana perlantikan hendaklah secara 'kebulatan' seiya sekata. Apabila tidak mendapat kebulatan maka lantikan tersebut diserahkan kepada pihak di atas iaitu ( Tua Dato' Lembaga) kepada Undang,Buapak kepada tua. Ini disebabkan lantikan berkenaan adalah untuk seumur hidup, kecuali kalau mereka melanggar adat itu sendiri.
- viii. Waris Menteri adalah dari suku Biduanda waris adalah Dato' Lembaga terkanan yang juga disebut Lunas Lembaga. Gelaran lembaga ini ialah Dato' Menteri Sah Mengku Alam Raja Sahari,yang bermaksud pemangku alam iaitu pesaka Undang Luak apabila berlaku kematian. Tugas utama Dato' Menteri dalam menjalankan adat ketika iatu ialah :

***Undang mangkat***

***Undang Menanam***

- ix. Bagi melaksanakan adat tersebut maka Dato' Menteri terpaksa memangku pesaka Undang Luak sehingga dicari gantinya. Setelah pemilihan dibuat oleh Dato Ombi dan Lembaga yang Delapan,maka Dato' Menteri akan mengisytiharkan Undang Luak yang baru sesuai dengan kedudukannya sebagai Haluan Sembah. Setelah Undang Luak yang baru sesuai dengan kedudukannya bahawa setiap tiga tahun sekali Lembaga Yang Delapan mengadap ke balai untuk menjunjung sabda di samping menyatakan ikrar taat setia.Mereka yang termasuk dalam Lembaga Yang Delapan ini ialah :



Foto 6. Istiadat mengadap Dato'- dato' Lembaga kepada Dato' Undang Luak Jelebu.



Foto 7. Istiadat mengadap Dato' – dato' Lembaga kepada To' Puan



### **Waris asal Negeri**

1. Dato' Menteri Sah Mangku Alam Raja Sahari – suku Biduanda Waris, Waris Menteri.
2. Dato' Ombi Pangkal Maharaja – suku Biduanda Waris ,Waris Ombi

### **Waris Berundang**

3. Dato' Raja Balang – suku Biduanda Waris, Waris Ulu Jelebu.
4. Dato' Maharaja Inda - suku Biduanda Waris, Waris Kemin
5. Dato' Paduka Menti / - suku Biduanda Waris .Waris Sarin Dato Raja Penghulu

### **Lembaga Yang Tiga**

6. Dato' Mengiang Merah Bangsa – suku Mungkal
7. Dato' Cincang Maharaja Iela – suku Tanah Datar
8. Dato' Senara Angsa - suku Batu Belang<sup>83</sup>

Susunan adat yang ditetapkan oleh Dato Moyang Salleh ini telah menjadi pegangan pemuka-pemuka adat di Luak Jelebu. Malah mereka sentiasa dari semasa ke semasa diingatkan kepentingan memelihara Adat Perpatih dan menghindarkan diri dari pemusuhan dan perpecahan. Susunan adat di luak Jelebu dibahagikan kepada tiga iaitu:

- i. **Adat semata-mata** : Ialah seperti air mengalir ke kuala alam beraja, luak berpenghulu, suku bertua, anak buah berbuapak. Ini adalah di antara beberapa adat semata-mata yang tidak boleh diubah dan ditukar ganti. Perbilangan mengenai apa yang dikatakan adat semata-mata itu ialah :

*Adat bersendi hukum*

*Hukum bersendi Kitabullah*

*Adat tak lapuk dek hujan*

<sup>83</sup> Abdul Samad Idris, dll. 1994. Luak Jelebu. Hlm 46- 48.

*Tak lekang dek panas*

*Dianjak layu dicabut mati*

- ii. **Adat yang teradat** : ialah seperti soal nikah kahwin ,bersalin, bercukur anak,menyalang dan mengenal anak menantu. Adat semacam ini tidak salah kalau ditinggalkan oleh anak-anak buah sekiranya menjadi keberatan.
- iii. **Adat yang diadatkan** : ialah boleh diubah dan ditukar ganti mengikut keadaan zaman asalkan mendapat muafakat daripada suku dan puak masing-masing kerana adat itu kepunyaan masyarakat.

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan susunan adat tersebut sebagaimana yang terdapat di Minangkabau. Pecahan adat itu di Minangkabau dibahagikan kepada empat seperti berikut:

- i. adat sebenar –benar adat
- ii. adat yang teradat
- iii. adat yang diadatkan
- iv. adat istiadat

Oleh kerana dipengaruhi oleh keadaan persekitaran dan masa maka Adat Perpatih yang dibawa ke Jelevu terdapat perbezaan sebagaimana Adat Perpatih di Minangkabau. Perbezaan itu dicatatkan oleh lembaga-lembaga di sini seperti berikut:

*".....Oleh lamanya perpisahan itu berlaku maka adat yang didapati di kedua-dua wilayah ini adalah banyak perbezaan. Ini adalah disebabkan oleh masa dan keadaan di sekeliling. Bukan sahaja perbezaan itu didapati di antara Sumatera dan Negeri Sembilan, bahkan di Negeri Sembilan sendiri ada perbezaan di antara daerah-daerah atau luak yang memakai Adat Perpatih. Perbezaan ini bukanlah pada dasarnya tetapi adalah pembawaan adat itu sahaja yakni berbeza tentang hak asasi masing-masing. Ini mengikut cara kegunaan adat itu di tempat-tempatnya. Di Jelevu Dato'-dato' yang berkenaan cuma menasihatkan anak buahnya dalam perkara adat agar jangan berlaku perkara yang tidak diingini... ...."<sup>84</sup>*

<sup>84</sup> Abdul Samad Idris,dll. Luak Jelevu.Hlm. 50 – 51.

Untuk memperkemas pentadbiran di Luak Jelebu Dato' Moyang Salleh telah melaksanakan beberapa peraturan yang dinamakan **Kanun Adat Luak Jelebu**. Bagi memastikan peraturan yang ditetapkan, Dato'-dato' Lembaga bertanggungjawab mematuhi kanun tersebut :

- i. Pertama mencabut, kedua bertanam, sah sekata, kebulatan Dato'-dato' Yang Delapan. Kata mencari kepada Lembaga Yang Tiga iaitu Dato' Cincang, Dato' Mengiang dan Dato' Senara.
- ii. Tali adat kepada Menteri, tali pesaka kepada Ombi, sah batal surut lalu Undang kepada warisnya, hidup mati kepada Undang, gemuk berpupuk segar bersiram kepada warisnya.
- iii. Apabila Waris Ulu Jelebu menjadi Undang, Dato' Raja Balang titian adat, apabila Waris Kemin menjadi Undang, Dato' Maharaja Inda titian adat, apabila Waris Sarin menjadi Undang, Dato Paduka titian adat ( sekarang Dato' Raja Diraja/Dato' Raja Penghulu)
- iv. Apabila rosak pesaka bertengok kepada Dato' Ombi apabila rosak adat bertengok kepada Dato Menteri; patah tumbuh hilang berganti. Ganti hidup berkerelaan, ganti mati berkebulatan.<sup>85</sup>

Kanun ini menjelaskan peranan Dato' Lembaga terutamanya Dato' Menteri dan Dato' Ombi melantik Undang Luak Jelebu. Dato' Ombi 'mencabut' yakni mendapatkan waris yang bakal menjadi Undang Luak, maka Dato' Menteri akan 'menanam' atau mengisytiharkan setelah mendapat persetujuan dari Lembaga Yang Delapan. Di samping itu Dato' Lembaga juga bertanggungjawab menjaga dan memelihara perjalanan adat. Oleh itu Dato' Moyang Salleh telah memperkemas dan memperincikan lagi peranan dan tanggungjawab tersebut seperti berikut :

- i. **Dato' Lembaga Yang Tiga:** Mereka dipilih oleh anak-anak buah dan buapak sukunya mengikut giliran perut. Mereka boleh membuat aduan tentang anak buah, memberi cadangan-cadangan dan memberi cadangan pemilihan Undang. Sekiranya ada masalah yang boleh diselesaikan oleh mereka tidak perlulah dibawa ke atas. Mereka juga menjadi 'tua' kepada sukunya.
- ii. **Dato' Menteri dan Dato' Ombi:** Dato' Ombi akan memangku jawatan Undang dalam tempoh kemangkatan Undang sehingga

<sup>85</sup> Abdul Samad Idris, dll. Luak Jelebu. Hlm. 55.

perlantikan Undang yang baru. Dato' Menteri pula mengetuai perjalanan adat. Dato' Menteri juga boleh membawa apa-apa hal berkenaan adat kepada pengetahuan Undang Luak.

- iii. **Titian Adat:** Ialah 'Kepala waris" yang menyandang pesaka Undang Luak pada masa itu. Beliau akan mempersembahkan apa-apa aduan kepada Dato' Menteri ke pengetahuan Undang Luak. Biasanya apa-apa permasalahan yang timbul akan dirundingkan. Kuasa Undang Luak sentiasa diawasi, dihadkan dan dikuatkan oleh warisnya malah waris juga mempunyai kuasa pembatalnya.
- iv **Undang Luak Jelebu ( Kuasanya):** Undang Luak mempunyai kuasa yang besar, " sekecil-kecil anak buah, sebesar-besar Undang". Undang mempunyai kuasa pembatal (veto), walaupun Lembaga Yang Delapan telah membuat sesuatu keputusan ,keputusannya diputuskan oleh beliau juga. Dato' Undang mempunyai kebesaran dan makamah keadilan adatnya dilaksanakan di Balai Panjang untuk memutuskannya:

*Adat beratur*

*Bilang bertentu*

- V **Lembaga Yang Delapan:** Mereka adalah ketua-ketua waris dan suku. Kuasa mereka ialah memberi kata putus dalam perlantikan dan perlucutan jawatan Undang. Mereka juga perlu mengadakan perundingan sesama mereka dalam apa jua urusan perjalanan adat atau pentadbiran Luak Jelebu.<sup>86</sup>

Dato' Moyang Salleh telah membuat perubahan dan pembaharuan yang besar terhadap sistem politik dan pentadbiran di Luak Jelebu. Kebijaksanaan beliau menerapkan sistem Adat Perpatih dalam masyarakat yang sebelum ini mempunyai sistem pentadbiran yang belum jelas membuktikan kebolehan dan kemampuan beliau. Malah penerimaan masyarakat tempatan itu sendiri melantik beliau serta ayah dan datuknya sebagai Penghulu Jelebu memudahkan lagi proses perubahan dan pembentukan satu sistem pentadbiran dan politik yang berasal dari Minangkabau di Jelebu.

<sup>86</sup> Untuk melihat tanggungjawab Dato'-dato' Lembaga ini sila lihat Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan sejarahnya. Hlm. 103 – 107 dan Abdul Samad Idris, dll. 1994. Luak Jelebu. Hlm. 55 – 58.



Foto 8. Balai Melintang




Foto 9. Balai Astaka




Foto 10. Balai Penghadapan




Foto 11. Balairong Seri



Walaupun dari segi pucuk pimpinan sistem pentadbiran adat di Jelebu dipegang oleh pendatang-pendatang dari Minangkabau (Dato' Gombak, Dato' Mentunggang dan Dato' Moyang Salleh ) tetapi penduduk-penduduk tempatan masih menguasai dalam susunan pentadbirannya. Jika diteliti daripada lapan Dato' Lembaga yang dikenali Lembaga Yang Lapan atau Orang Delapan lima daripadanya ialah suku Biduanda yang terdiri daripada:

- i. Biduanda Waris Menteri
- ii. Biduanda Waris Ombi
- iii. Biduanda Ulu Jelebu
- iv. Biduanda Sarin
- v. Biduanda Kemin

Sebaliknya hanya tiga sahaja suku daripada keturunan Minangkabau yang terdapat dalam Lembaga Yang Lapan iaitu:

- i. Suku Mungkal
- ii. Suku Tanah Datar
- iii. Suku Batu Belang

Suku Biduanda Waris Ombi dan Suku Biduanda Waris Menteri dikenali sebagai 'Waris Yang Dua' Ini ialah kerana kedua-dua suku ini tidak bercampur aduk dengan persemendaan dengan orang-orang Minangkabau. Oleh itu kedudukan kedua-dua suku itu dikira sebagai 'Waris Negeri Yang Asal'. Manakala suku Biduanda Ulu Jelebu, Biduanda Sarin dan Biduanda Kemin dipanggil 'Waris Berundang'.

Kebijaksanaan Dato' Moyang Salleh melantik Dato'-dato' Lembaga yang terdiri daripada suku-suku yang terdapat dalam Luak Jelebu sebenarnya memberi kelebihan dari segi perpaduan, keutuhan dan kestabilan masyarakat di luak ini. Malah penggubalan peraturan dalam pentadbiran yang dilakukan oleh Dato' Moyang Salleh itu seperti Kanun Adat Luak Jelebu dapat menjamin kelancaran perjalanan sistem pentadbiran adat sehingga ke hari ini. Yang jelasnya pendatang-pendatang dari Minangkabau itu telah dapat mencorakkan sistem politik dan pentadbiran di Jelebu walaupun tidak seratus peratus penerapan sistem Adat Perpatih itu dapat dilaksanakan.

Kejayaan Dato' Moyang Salleh dan pendatang-pendatang Minangkabau yang lain menerapkan Adat Perpatih ke dalam masyarakat di Luak Jelebu telah mengubah kedudukan sistem sosial masyarakatnya. Malah Adat Perpatih menjadi 'hukum' yang



undang-undangnya menjadi undang-undang dalam pentadbiran daerah sebagaimana yang diperkuatkan dalam perbilangan:

*Biar mati anak jangan mati adat,  
Tak lekang dek panas,tak lapuk dek hujan,  
Dianjak layu, dicabut mati,  
Gemuk berpupuk segar bersiram,  
Berjenjang naik,bertangga turun,  
Patah tumbuh hilang berganti,  
Pesaka bergilir, seka berwaris,  
Adat bersendikan hukum, hukum bersendi kitabullah,  
Syarak mengata, adat mengikut (memakai),  
Adat dan syarak sandar menyandar .*

Adat Perpatih juga telah dijadikan peraturan hidup bermasyarakat dan berpolitik serta pentadbiran daerah yang terjalin dengan konsep demokrasi. Dalam Adat Perpatih terpancar konsep demokrasi sebagaimana yang dinyatakan:

*Bulat air kerana pembentung,  
Bulat kata kerana muafakat,  
Ke gunung sama didaki,  
Ke lurah sama dituruni,  
Hati gajah sama dilapah,  
Hati kuman sama dicecah.*

Malah amalan demokrasi itu dipraktik dalam penyusunan pentadbiran Luak Jelebu di mana orang ramai dan rakyat diberikan hak dan kebebasan memilih dan dipilih seperti perbilangannya:


*Bulat Anak buah menjadi Buapak,  
Bulat Buapak menjadi Lembaga,  
Bulat Lembaga menjadi Penghulu/Undang,*

*Bulat Penghulu/Undang menjadi Raja.,  
( menjadi maksudnya memilih ).*

### 5.2.2 Penglibatan orang Minangkabau dalam sosial dan ekonomi

Adat Perpatih yang dibawa oleh pendatang-pendatang dari Minangkabau itu khususnya di Jelevu telah mengubah sistem sosial-ekonomi terhadap masyarakat tempatan. Norhalim Hj. Ibrahim menjelaskan kelompok kekeluargaan merupakan perkara asas dalam sistem sosial Adat Perpatih. Pengumpulan dan pengurusan kehidupan sesebuah keluarga adalah melalui garis nasab ibu, di mana ahli-ahlinya terkumpul ke dalam kelompok-kelompok tertentu berdasarkan garis keturunan tersebut. Pada teorinya masyarakat adat ini telah dilihat semula di kelompok kepada dua belas kelompok. Tiap-tiap kelompok itu diistilahkan sebagai suku yang mempunyai nama tertentu – seperti suku-suku Biduanda, Paya Kumbuh, Tiga Nenek, Batu Belang, Tiga Batu, Semelenggang, Selemak, Mungkal, Tanah Datar, Batu Hampar, Anak Melaka dan Anak Acheh. Kemudian tiap-tiap suku itu dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang diistilahkan sebagai **perut**. Jika dilihat dari segi perhubungan-perhubungan di antara anggota seperut adalah lebih rapat daripada sesuku. Ahli-ahli setiap perut menyedari tentang keanggotaan sesuku mereka. Tetapi perut tidak mempunyai nama seperti suku. Ada dua cara pemberian nama yang digunakan iaitu pertama mengikut gelaran ketua perut seperti perut **Juan** atau kedua mengikut nama tempat/kampung seperti perut **Tanjung**. Seterusnya setiap perut itu dipecahkan lagi kepada kelompok yang lebih kecil dipanggil **ruang**. Keanggotaan ruang adalah mencapai enam atau lima generasi. Seperti perut, ruang juga dinamakan atas nama dasar sama ada mengikut gelaran ketuanya atau tempat atau kampung asal ahli berkenaan. Akhirnya, ruang dapat dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil iaitu **rumpun**. Keahlian serumpun selalunya dihadkan kepada tiga atau empat generasi. Hubungan antara ahli-ahli serumpun rapat sekali. Nama bagi sesuatu rumpun itu adalah dikaitkan dengan nama ketua kelompok berkenaan, seperti rumpun **Idris** ataupun wanita pengasas kepada rumpun berkenaan seperti rumpun **Mahawa**.<sup>87</sup>

<sup>87</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. Sistem adat masyarakat Negeri Sembilan. Dalam Adat merentas zaman. Abdul Samad Idris, dll(ed). Hlm. 61.



Rajah 3 : Pengelompokan ahli Masyarakat Adat di Jelevu

(Sumber : Tn. Hj. Mohd Jan bin Othman)



Rajah 4: Struktur Paradigmatik Hairaki Politik Tradisi Jebebu

(Sumber : Tn. Hj. Mohd Jan bin Othman)

Masyarakat di Jelebu hidup dalam kelompok-kelompok atau suku maka mereka digalakkan berkerjasama dalam kelompok atau antara kelompok. Oleh sebab Adat Perpatih mementingkan sikap kerjasama di kalangan penganutnya, maka semangat bekerjasama dan bergotong-royong sangat dituntut, perbilangan adat ada menyatakan:

*Berat sama dipikul,  
Ringan sama dijinjing,  
Bukit sama didaki,  
Lurah sama dituruni,  
Laba sama ditatang,  
Hati kuman sama dicecah,  
Hati gajah sama dilapah,  
Berat sama dipikul,  
Ringan sama dijinjing,  
Cicir sama rugi,  
Dapat sama laba,  
Pangkal sama dipupuk,  
Pucuk sama digentas,  
Buahnya sama dipetik.*

Demikianlah Adat Perpatih mewujudkan dan memupuk semangat bekerjasama di dalam masyarakat untuk menimbulkan kemesraan dan kepaduan. Kesedaran dan pemahaman seseorang sebagai ahli masyarakat itu terhadap tanggungjawab dilahirkan secara spontan. Keharmonian dan kepaduan masyarakat di Luak Jebebu adalah berdasarkan tiga jenis hubungan iaitu hubungan sesama suku, hubungan sesama perut,ruang dan rumpun; dan juga hubungan sewaris.

Adat Perpatih begitu tegas terhadap semangat bekerjasama dan bergotong-royong dan mengenyepikan kepentingan peribadi serta kedudukan seseorang dalam melaksanakan tugas atau kegiatan seperti perbilangan : **Kok besar jangan melanggar, kok cerdik jangan menipu** , ia bertujuan untuk menjamin kejayaan sesuatu pekerjaan. Sekiranya berlaku kegagalan bermakna kesusahan dan malu kepada

kelompok-kelompok kekeluargaan ruang, rumpun, perut dan suku. Justeru itu bagi menjamin konsep gotong-royong dan kerjasama serta kejayaan kelompok itu Adat Perpatih telah mengadakan sistem pembahagian tenaga kerja, seperti yang diadatkan:

*Seperigi sepermandian,  
Sejamban seperulangan,  
Sehalaman sepermainan.*

*Bukit sama didaki,  
Lurah sama dituruni  
Laba sama dikutip,  
Rugi sama ditatang*

*Hati kuman sama dicicah,  
Hati gajah sama dilapah,  
Berat sama dijinjing,  
Cicir sama rugi,  
Dapat sama laba.*

*Pangkal sama dipupuk  
Pucuk sama digentas,  
Bunga sama dipetik.*

*Nan jauh dijemputkan,  
Nan dekat dikampungkan.*

*Jika air sama disaok,  
Jika ranting sama dipatahkan,*

*Nan mati sama ditanam,  
Nan hidup sama dipelihara.*

*Berkawan maka berjalan,*

*Muafakat maka berkat,  
Dielo kerja maka berusaha,  
Duirik parang maka berani,  
Orang nan banyak menurut.*

*Dibuat bonda nan berliku,  
Tiba dibukit dikalisi,  
Tiba di batu dipahati,  
Tiba di batang dikabungi.*

*Kok alim minta doanya,  
Kok rajin minta kerjanya,  
Kok kaya minta ringgitnya,  
Kok cerdik minta berunding,  
Kok bodoh disuruh arah.*

Demikianlah adat menjaga keharmonian masyarakat. Norhalim Hj. Ibrahim berpendapat, adat mempunyai kesadaran yang kuat mengenai erti dan nilai seseorang manusia dan individu terhadap yang lain, baik yang rendah mahupun yang tinggi kedudukannya. Nilai-nilai ini bukan egoistik yang keras dan kasar tetapi kehadiran individu dengan harga diri yang utuh dan teguh, masing-masing hidup dengan fungsi dan peranan sendiri, memberi sumbangan kepada kewujudan seluruhnya. Dalam Adat Perpatih, tidak ada perhambaan yang boleh menjatuhkan harga diri seseorang sehingga menjadi barang tidak berguna: tetapi masing-masing mempunyai tempat, boleh memberi sumbangan menjalankan peranan dan berfungsi untuk kemajuan kelompok dan seterusnya masyarakat adat<sup>88</sup>.

Sistem perekonomian juga telah digarap oleh Adat Perpatih demi menjamin kelangsungan hidup masyarakat tersebut. Justeru itu, tanah terutamanya tanah sawah adalah penting kerana masyarakat ini adalah masyarakat tani. Di Jelebu kebanyakan pembukaan petempatan yang dilakukan oleh pendatang dari Minangkabau ini terletak berdekatan dengan sungai. Masyarakat di Jelebu sangat rapat hubungannya dengan tanah. Malahan sistem adat ini sangat sinonim dengan tanah pusaka adat. Norhalim

<sup>88</sup> Norhalim Hj Ibrahim. 1994. Adat merentas zaman. Hlm. 64.



Hj. Ibrahim menjelaskan bahawa sistem pertanian yang dominan dalam masyarakat ini adalah bersawah padi. Besar kemungkinan teknik bersawah padi di bahagian selatan Semenanjung Malaysia khususnya Melaka dan kemudiaannya Pahang diperkenalkan oleh orang-orang perantau dari Sumatera. Oleh sebab telah lama ianya bertapak di sini aktiviti bersawah padi ini dilakukan dengan penuh adat istiadat dan dikenali sebagai usaha *petahunan*. Kegiatan bersawah, mulai dari menyediakan tapak semaian sehinggalah menaikkan padi ke darat mempunyai berbagai dan beranika bentuk adat perayaan. Segala adat istiadat ini, pada masa dahulu dijalankan secara bergotong royong berdasarkan kepada kelompok perut. Salah satu daripada istiadat yang meriah dan penting sekali dijalankan sehingga Perang Dunia Kedua ialah *berpuar*. Adat berpuar ini dijalankan dalam tempoh tiga ke empat tahun sekali dan berlangsung selama tujuh hari. Tiap-tiap hari mempunyai acara-acara budaya tertentu. Istiadat ini, disamping memerlukan kerjasama seluruh penduduk kampung atau suku dan pawang juga melibatkan ketua-ketua adat. Selain daripada adat istiadat tertentu, berpuar juga menonjolkan beberapa jenis permainan dan muzik tradisi yang tidak ada di kalangan masyarakat Melayu di luar Negeri Sembilan. Antaranya lain ialah permainan ‘perang’ batang keladi, tumbuk kalang, siak lukah, burung-burungan, musang-musangan dan sebagai <sup>89</sup> Menurut adat tanah adalah kepunyaan suku, ia tidak dimiliki oleh individu tetapi kepunyaan bersama dengan mengumpulkan kawasan-kawasan tertentu kepada sesuatu rumpun atau keluarga. Apabila tanah ini diumpukkan kepada anak perempuan, lalu tanah tersebut menjadi pusaka, perbilangan ada menyebut:

*Terbit pusaka kepada saka,  
Si lelaki menyandang pusaka,  
Si perempuan yang punya pusaka,  
Orang semenda yang membela.*

Tanah dalam sistem adat ini mempunyai empat jenis harta tanah iaitu tanah pusaka, tanah dapatan, tanah pembawaan dan tanah carian. Sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti kematian atau bercerai hidup Adat Perpatih mempunyai cara untuk menyelesaikan pembahagian harta tersebut, perbilangan adat menyatakan :

<sup>89</sup> Norhalim Hj. Ibrahim. 1988. Sistem masyarakat Negeri Sembilan. Warisan 13 : 50 – 62.

*Pembawa kembali,  
 Dapatan tinggal,  
 Carian bahagi,  
 Mati laki tinggal ke bini,  
 Mati bini tinggal ke laki.*

Peraturan adat ke atas hak milik tanah adat di Jelevu adalah berasaskan hak milik terhad dimana pemiliknya tidak boleh memindahkan hakmiliknya, menjual atau menggadaikan harta berkenaan melainkan dengan persetujuan daripada ketua adat serta waris-waris yang berhak ke atas harta berkenaan. Harta boleh dijual bagi tujuan tertentu tetapi perlu mengikut tatacara dan peraturan yang telah ditentukan oleh adat seperti berikut :

- i. Keutamaan mestilah diberi kepada waris-waris yang ikrab.
- ii. Sekiranya waris ikrab tiada yang mahu ia boleh diberi peluang kepada:
  - a. waris sanak ibu
  - b. waris sanak datuk
  - c. waris sanak nenek
  - d. waris sanak moyang
 mengikut aturan tersebut.
- iii. Sekiranya waris di atas tiada yang mahu peluang boleh dibuka kepada anggota lain suku yang sama.
- iv. Sekiranya tiada juga yang mahu bolehlah diberi peluang kepada anggota perempuan dari suku yang lain.

Tanah pesaka tidak boleh dijual atau digadai tanpa sebab-sebab yang tertentu. Penjualan tanah pesaka hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :

- i. Keperluan untuk menguruskan kematian
- ii. Keperluan untuk menunaikan haji ke Mekah.

- iii. Keperluan untuk menjaga maruah seperti memperbaiki rumah pusaka yang terlalu uzur atau runtuh.
- iv. Keperluan untuk membayar denda bagi kesalahan besar yang telah dilakukan oleh waris.

Segala syarat-syarat dan peraturan yang digariskan oleh adat adalah bertujuan supaya tanah pesaka tidak berpindah milik kepada suku lain serta untuk menjaga maruah suku.

Pemilikan hak waris tanah adat di Jelevu adalah berdasarkan kepada waris perempuan terdekat. Perbilangan adat mengatakan:

*Harta pesaka turun kepada anak,  
Tiada anak waris ikrab (kedin),  
Tiada waris ikrab waris bersanak,  
Tiada waris bersanak terpulang kepada suku.*

Nadzan Haron telah menjelaskan mengenai hakmilik tanah adat, siibu adalah berhak untuk mewariskan hakmiliknya kepada anak-anak perempuannya. Sekiranya ia tiada mempunyai anak perempuan, apabila ia mati tanah pesaka berkenaan akan diwariskan oleh waris ikrabnya. Waris ikrabnya ialah kakak dan adik perempuan kepada simati. Kiranya simati tiada mempunyai waris ikrab, sistem perwarisan akan diteruskan kepada waris bersanak yang terdekat seperti susunan iaitu waris sanak ibu, sanak-datuk, sanak nenek dan sanak-moyang. Sanak-ibu ialah satu pupu, sanak-datuk ialah dua pupu, sanak nenek ialah keluarga tiga pupu dan sanak-moyang ialah keluarga empat pupu. Sekiranya semua waris-waris ini tiada, tanah ini dinamakan 'pesaka pupus'; dan waris lelaki mengikut susunan terdekat berhak menuntut bahagian mereka ke atas tanah tersebut. Mereka tidak boleh mewarisi harta itu, tetapi mereka boleh mengambil hasil tanah tersebut sepanjang hayat mereka atau diserahkan kepada budi bicara ketua adat untuk menyelesaikan, dalam mana tanah itu akan dijual kepada anggota suku. Hasil penjualan ini akan dibahagikan kepada waris-waris lelaki yang berhak.<sup>90</sup>

<sup>90</sup> Nadzan Haron, 1994. Pelaksanaan peraturan adat dalam sistem pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. Warisan 18 : 7 – 20.

Walau bagaimanapun pembahagian harta ini dijalankan atas dasar muafakat di kalangan ahli-ahli kelompok keluarga, adat menghendaki :

*Bulat air kerana pembentung,  
Bulat manusia kerana muafakat.*

Disamping itu mana-mana keluarga yang mahu meneroka tanah baru boleh berbuat demikian jikalau tanah keluarga didiaminya tidak mencukupi atau tidak dapat menampung keperluan keluarga dengan cara memberi tahu ketua kelompok keluarga. Ketua suku dengan kerjasama buapak, Besar dan Kadim akan mengumpukkan kawasan tertentu kepada keluarga yang berkenaan. Sekiranya sesebuah keluarga itu gagal menjayakan tanah yang disediakan maka ketua suku atas nasihat Besar dan Buapak berhak mengambil semula tanah tersebut. Setelah diberi peringatan dalam tempoh yang sesuai. Tanah yang telah diambil akan diserahkan kepada unit rumpun yang memerlukan. Tegasnya, sistem Adat Perpatih mahukan pengamalannya sentiasa berusaha dengan gigih sepanjang masa.

Melalui penjelasan yang telah dijelaskan pendatang-pendatang Minangkabau yang datang menetap di Luak Jelebu telah berjaya merubah corak kehidupan masyarakat tempatan. Perubahan itu dapat dilihat dengan jelas dalam bidang politik, pentadbiran, sosial dan ekonomi. Malah Adat Perpatih itu sendiri telah menjadi pegangan dan amalan masyarakat. Untuk menjamin pengekalannya adat tersebut anggota-anggota masyarakat ini dinasihatkan mengutamakan kepentingan bersama:

*Adat bersaudara,  
Saudara dipertahankan,  
Adat berkampung,  
Kampung dipertahankan,  
Adat bersuku,  
Suku dipertahankan,  
Adat bernegeri  
Negeri dipertahankan,  
Sandar menyandar,  
Seperti aur dengan tebing.*

## KESIMPULAN

Orang-orang Minangkabau yang datang ke wilayah-wilayah dalam Negeri Sembilan lebih dari lima ratus tahun yang lepas telah membawa bersama Adat Perpatih dan budayanya. Ketibaan mereka itu telah mengubah corak tradisi hidup masyarakat tempatan malah bersama-sama pula menegakkan bentuk pentadbiran dan menguasai puncak politik di Negeri Sembilan. Tamadun yang diperkenalkan itu telah melalui pelbagai period dan peringkat untuk menyemarakkan kehadiran mereka ke rantainya di sebelah sini. Kehadiran pendatang Minangkabau ke Negeri Sembilan sangat dipengaruhi oleh tradisi merantau yang menjadi pegangan hidup dan kemestian terutamanya kepada golongan lelaki. Sistem matrilineal pula telah menjadi prinsip organisasi sosial yang dominan dalam masyarakat Minangkabau. Lantas ia menjadi pendorong kepada penghijrahan dari daerah induknya. Kehadiran pendatang itu terus disemarakkan lagi oleh faktor tolakan seperti bebanan ekonomi, tekanan politik, dorongan sosial dan masalah dalaman peribadi. Kegemilangan kerajaan Melayu Melaka memberi peluang ekonomi dan kebendaan untuk menggerakkan mereka supaya turut terlibat dan seterusnya menetap wilayah-wilayah perantauan.

Penerimaan masyarakat tempatan terhadap kehadiran pendatang dari Sumatera itu sebenarnya memberi ruang, peluang dan tempat untuk mereka membentuk petempatan dan mendiami wilayah-wilayah di Negeri Sembilan. Melalui proses semenda–menyemenda, persetujuan dan penerimaan, perjanjian, tolak ansur dan pengakuan hak anak watan menyebabkan terhubungnya persefahaman antara kedua belah pihak. Melalui kaedah tersebut Adat Perpatih dan budayanya telah dapat diketengahkan dalam masyarakat dan akhirnya adat serta budaya itu menjadi panduan dan amalan kehidupan serta peraturan dalam penyusunan pentadbiran. Melihat kepada hairaki sosio-politik Adat Perpatih bermula dari rumpun, ruang, perut,suku dan yang tertinggi luak di bawah pimpinan Undang. Manakala Dato'-dato' Lembaga pula memimpin anak-anak buah serta memainkan peranan dalam menentukan pucuk pimpinan dan juga memastikan perjalanan adat itu sendiri. Amalan-amalan adat yang berpaksikan konsep kerjasama dan gotong-royong menjamin keharmonian dan kepaduan dalam masyarakat. Malah tanah yang diwarisi dari turun temurun itu merupakan nadi pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun Adat Perpatih yang diamalkan di daerah rantau di Negeri Sembilan bukanlah

dijelmakan sepenuhnya daripada induknya, tetapi ia melalui proses pengubahsuaian secocok dengan keperluan dan kehendak persekitaran baru; namun prinsip-prinsip dasar sistem Adat Minangkabau itu dikekalkan.

Luak-luak yang terdapat di wilayah-wilayah Negeri Sembilan menjalankan pemerintahan secara sendiri-sendiri sebelum kedatangan perantau Minangkabau. Kehadiran masyarakat Minangkabau telah merubah sistem pentadbiran di luak berkenaan berasaskan sistem Adat perpatih. Penghulu luak berperanan menjaga, mengawal dan mentadbir kawasan masing-masing. Pergolakkan yang berlaku dalam luak-luak yang berkenaan mendorong mereka menjemput putera raja dari Pagar Ruyung, Minangkabau. Pertabalan Raja Melewar sebagai Yamtuan Besar telah memberi nafas baru ke arah penyatuan luak-luak tersebut yang membentuk kesatuan dalam Negeri Sembilan. Yamtuan Besar merupakan lambang keadilan, penyatuan dan penaung negeri. Manakala Undang-undang yang empat masih mentadbir luak masing-masing dan mempunyai kata putus dalam perlantikan Yamtuan Besar.

Struktur sosio-politik Adat Perpatih berubah apabila pihak Inggeris memerintah di Negeri Sembilan. Inggeris telah menghakis dan menolak kefungsiian sistem politik yang bercirikan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kuasa-kuasa Penghulu/Undang, Dato'-dato' Lembaga dan ketua-ketua adat yang lain telah dibayangi dan diganti dengan jentera Pegawai Daerah dan Residen. Pegawai Daerah mentadbir daerah dengan bantuan Penghulu mukim dan ketua kampung. Apa yang berlaku pegawai-pegawai adat ini tidak diserap langsung ke dalam jentera pentadbiran Inggeris. Begitu juga telah berlaku perubahan demografi, polisi Inggeris yang sangat bergantung kepada pekerja impot telah mewujudkan masyarakat majmuk di Negeri Sembilan.

Pada abad ke-15 hingga 18 kehadiran orang-orang Minangkabau adalah bercorak sehalu, mereka datang dan membuka petempatan. Hubungan antara orang Melayu berketurunan Minang di Negeri Sembilan dengan saudara sedarah mereka di Tanah Minang terus dijalinan. Semasa zaman penjajahan hubungan persaudaraan itu terhenti seketika akibat agihan kuasa, Belanda di Indonesia dan Inggeris menguasai Tanah Melayu. Kini corak hubungan itu dipulihkan semula dengan wujudnya hubungan kota bersaudara Seremban – Bukit Tinggi pada 16hb, Disember, 1986. Melalui pengistiharan ini telah dapat memperkukuhkan hubungan kekeluargaan, adat, kebudayaan, agama dan bahasa antara dua pihak yang berasal dari satu rumpun.





**RUJUKAN**

- Ahmad Dt. Batuah dan Dt. Madjoindo. 1956. *Tambo alam Minangkabau dan adatnya*. Djakarta: Balai Pustaka.
- Bahar Dt. Nagari Basar. 1966. *Tambo dan silsilah adat Minangkabau*. Djakumbuh : C.V. Elconara.
- Baharom Azhar Raffie'i. 1973. Parit Gong: an orang asli community in transition .Tesis Ph.D .King's college. The University of Cambridge.
- Baharom Azhar Raffie'i. 1984. Perhubungan inter ethnik dalam masyarakat adat. Kertas kerja seminar kebangsaan Perpatih dan wilayah Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia.Serdang.
- Batoeh Sanggo, Datoek. 1996. *Tambo alam Minangkabau*. Pajakumbuh: Limbago.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cole,Fay-cooper. 1945. *The people of Malaysia*. New York: D. Van Borstrand.
- Donald W. Fryer. 1977. *Nations of the modern world Indonesia*. London: E. Benn.
- Favre. P.E.C. 1848.Account of the wild tribes inhabiting the Malayan Peninsul.*JIAEA* 2 : 237 – 282.
- Fitrilinna. 1995. *Satu kajian tentang struktur adat masyarakat di kenegerian Bangkinang*. Skripsi jurusan sosiologi. Pekan Baru: Universiti Press.
- Gullick,J.M. 1981. Law and the Adat Perpatih : problem from Jelebu. *JMBRAS* 54 (1): 7 – 20.
- Hamka .1967. *Ayahku :riwayat hidup Dr. H. Abd Karim Amrullah dan perjuangan kaum agama di Sumatera*. Djakarta: Djayamurni.
- Hervey,D.F.A. 1884. Rambau. *JSBRAS*. 13: 241 – 260.
- Ibrahim Atin. 1959. *Perbilangan adat*. Pulau Pinang : Sinaran Brothers.
- Ibrahim Mustapa. 1981. Sejarah ringkas kedatangan orang-orang Minangkabau dan adat Perpatih ke Negeri Sembilan. *Warisan* 6 : 21 – 30.
- Iskandar,N.St. 1990. *Pengalaman masa kecil*. Jakarta : Balai Pustaka.
- Iskandar,T. 1970. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Ismail Abdul Hadi. 1997. Beraja ke Johor, bertuan ke Minangkabau, bertali ke Siak. *Warisan* 20: 52 –68.
- Khoo Kay Kim. 1990. Negeri Sembilan: sejarah awal dan sistem politiknya. Dalam Nordin Selat. (ed). *Negeri Sembilan dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Mansoer, M.D. 1970. *Sejarah Minangkabau*. Djakarta : Bharata.
- Mansoer, M.D. 1974. Minangkabau dan Negeri Sembilan.: tinjauan kaitan sejarah dan kebudayaan. Kertas kerja seminar persejaraan dan adat Perpatih. Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan.
- Mickluch, N. Von. 1878. Ethnological excursion in the Malay Peninsula November 1874 to October 1875. *JSBRAS*.
- Mochtar Naim. 1973. *Merantau : Minangkabau voluntary migration*. Tesis Ph.D. University of Singapore.
- Mochtar Naim. 1974. *Merantau: Pola migrasi suku Minangkabau*. Yogyakarta: Gadjadara University Press.
- Mochtar Naim. 1994. Migrasi dalam sistem adat Minangkabau. Dalam Abdul Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala N.S. (ed). *Negeri Sembilan : gemuk dipupuk, segar bersiran, adat merentas zaman*. Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Mohd Haflah Piei. 1994. Profil sosio-ekonomi masyarakat Melayu Rembau: satu perbincangan dari segi Adat Perpatih. Dalam Abdul Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala N.S. (ed). *Negeri Sembilan : gemuk dipupuk, segar bersiran, adat merentas zaman*. Seremban : Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.
- Mubin Sheppard. 1962. Megelith in Malacca and Negeri Sembilan. *Federetion Meseum Journal*. Vol. 7. Kuala Lumpur: Meseum Department.
- Muhamad Radjab. 1964. *Perang Paderi di Sumatera Barat (1803 – 1838 )*. Djakarta: P.N. Balai Pustaka.
- Nadzan Haron. 1994. Pelaksanaan peraturan adat dalam sistem pentadbiran tanah di Negeri Sembilan. *Warisan* 18: 7 – 20.
- Navis, A.A. 1986. *Alam terkembang jadi guru, adat dan kebudayaan Minangkabau*. Jakarta: Pustaka Grafitipers.
- Newbold, T.J. 1834. Sketch of the four Menangkabowe states in the interior of the Malayan Peninsula. *J.M. Moors* (ed)

- Newbold,T.J. 1939. *The British settlements in the straits Malacca*. Jilid 2. London: John Murry. Cetak ulang. Kuala Lumpur: Oxfort University Press.
- Newbold,T.J. 1968. Account of Rumbowe. *J.H.Moor* (ed). Notice of the Indian Archipelogo. Cetak ulang. Singapore : Frank Case.
- Newbold,T.J. 1971. *British settlement in the straits of Malacca*. Vol. 11. London: John Murry. Cetak ulang. Kuala Lumpur Oxford University Press.
- Nordin Selat. 1970. The concept of merantau in adat Perpatih in Negeri Sembilan. *Federation Museum Journal xv*. Kuala Lumpur: Museum Department.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1983. Adat Minangkabau sebelum zaman Parapatien; suatu pengenalan ringkas. *Warisan* 7: 31 – 42.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1989. Sistem masyarakat Negeri Sembilan. *Warisan* 13: 50 – 62.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. Adat Negeri Sembilan melalui masa. *Warisan* 17 : 7 – 51.
- Norhalim Hj. Ibrahim.1993. Adat Perpatih sejarah dan sistem sosialnya. Kertas kerja seminar adat Perpatih. 23 September 1993. Maktab Perguruan Raja Melewar.Seremban.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri yang sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1998. *Sejarah Linggi*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Purwadarminta,W.J.S. 1996. *Kamus umum bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Parr,C.W.C. ,dan Mackray,W.H. 1910. Rembau,one the nine states :its history,constitution and customs. *JSBRAS* 56 : 1 - 57.
- Rasjid Manggis dan Dt. Radjo Panghoeloe,M. 1982. *Minangkabau,sadjarah ringkas dan adatnya*. Jakarta : Penerbit Mutiara.
- Samad Idris,A. 1968. *Negeri Sembilan dan sejarahnya*. Kuala Lumpur” Utusan Melayu.
- Samad Idris,A. 1970. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari segi sejarah dan kebudayaannya*. Seremban: Pustaka Asas Negeri.
- Samad Idris,A. 1987. *Takhta kerajaan negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Princop.
- Samad Idris, A. 1990. *Payung Terkembang*. Kuala Lumpur:Pustaka Budima

Samad Idris,A., Norhalim Hj. Ibrahim, Muhammad Tainu & Abdul Muluk. 1994. *Negeri Sembilan: gemuk dipupuk,segar bersiram,adat merentas zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Samad Idris,A.,Abdul Muluk Daud, Muhammad Tainu & Norhalim Hj. Ibrahim, 1994. *Negeri Sembilan: gemuk berpupuk,segar bersiram, Luak Jelebu*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Samad Idris,A. , Abdul Muluk Daud, Muhammad Tainu &Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan; gemuk berpupuk,segar bersiram – Luak Tanah Mengandung*. Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.

Shahba. 1951. *Pustaka Naning*. Kuala pilah: The sentosa store.

Shamsul Amri Baharuddin. 1994. Adat Perpatih mencabar zaman: suatu ulasan seimbab pandang. Dalam Abdul Samad Idris, dll. (ed). *Negeri sembilan:gemuk berpupuk ,segar bersiram ,Adat merentas zaman*. Seremban:Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.

Shellabear,W.G. (ed). 1957. *Sejarah Melayu*. Singapore : Malaya Publishing House Ltd.

Sheppard,M. 1965. *A short history of Negeri Sembilan*. Singapore: Eastern Universiti Press.

Taha Abdul Kadir. 1983. Negeri sembilan: Daerah rantau Minangkabau yang melepaskan diri dari ikatan daerah induknya. *Warisan* 8: 1 – 12.

Thaib,G. dan St. Pancentjak,M. Kamoos. 1935. *Bahasa Minangkabau bahasa Melojue – Riau*. Batavia ; Balai Pustaka.

Usman Pelly. 1994. *Urbanisasi dan adaptasi: peranan misi budaya Minangkabau dan Mandailing*. Jakarta : Pustaka LP3ES.

Wilkinson, R.J. 1911. Notes of Negeri sembilan .*Papers on Malay subjects*. Malayan History Part V. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.

Winstedt,R.O. 1934. Negeri sembilan: The history,polity and beliefs of the nine state. Singapore: *JMBRAS* Vol. 12.

Yaakub Idrus. 1992. Sistem bersuku-suku dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan.Satu sorotan dan bandingan dengan Alam Minangkabau dan adat Melayu Darat di Sumatera. *Warisan* 16 : 32 – 44.

Zainal Abidib Safarwan. 1995. *Kamus Besar bahasa Melayu utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and distributors.

Zakian Hanum. 1989. *Asal-usul negeri-negeri di Malaysia*. Singapore : Times Book Internasional.

Zulkapli Hj. Othman. 1992. Kepentingan lagenda dan mitos dan kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. *Warisan* 16 : 19 – 31.

## SENARAI RESPONDEN

### Responden 1

Nama : Tuan Haji Mohd. Jan bin Othman  
 Alamat : Kampung Pianggu, Kuala klawang,  
 Jelevu, Negeri Sembilan  
 Umur : 64 Tahun  
 Pekerjaan : Pesara guru  
 Tarikh temuramah : 04. 11. 2001

#### Pengalaman / Isi kandungan temuramah/ Ulasan

Beliau merupakan bekas guru, mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 25 tahun. Mata pelajaran yang beliau ajar termasuklah sejarah dan sastera. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa kerja Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ( 1999/2000) dan Yang Dipertua Persatuan Sejarah cawangan Jelevu, Negeri Sembilan ( 1999/2000). Jawatan beliau dalam lembaga adat dikenali dengan nama Dato' Sati. Menurut beliau gelaran Dato' Sati diberikan kepada pendatang-pendatang dari Jempol dan Kuala Pilah yang berhijrah dan menetap di Jelevu. Beliau telah menjelaskan pelbagai perkara tentang sejarah Jelevu termasuk mengenai Adat Perpatih, Lembaga Adat dan kaedah perlantikan Undang.

### Responden 2

Nama : Tuan Haji Muhammad Tainu  
 Alamat : Taman Seri Budaya, Muzium Negeri,  
 Jalan Sungai Ujong, Seremban , Negeri Sembilan.  
 Pekerjaan : Pesara guru  
 Tarikh temuramah : 18 . 8. 2001

#### Pengalaman/ Isi kandungan temuramah / Perbualan

Beliau seorang pesara guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 20 tahun. Antara jawatan beliau ialah sebagai Setiausaha, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus yang berpejabat di bangunan Muzium Negeri, Seremban. Antara buku-buku yang ditulis dan diterbitkan bersama dengan Tan Sri Abdul Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Abdul Muluk Daud dan Norhalim Hj. Ismail ialah Luak Jelevu, Luak Tanah Mengandung dan Adat Merentas Zaman. Beliau begitu aktif dalam penulisan selepas bersara dari guru dan terus menyumbangkan bakti dalam penulisan sejarah terutamanya sejarah Negeri Sembilan.

**Responden 3**

Nama : Ramli bin Abu Bakar  
 Alamat : Kampung Durian Tipus, Simpang Durian,Jelebu,N.Sembilan.  
 Tarikh lahir : 7. 10. 1935  
 Pekerjaan : Kerja kampung  
 Tarikh temuramah : 19. 9.2001

**Pengalaman/ Isi kandungan temuramah/ Perbualan**

Salasilah keluarga beliau dari sebelah bapa ialah Ramli bin Abu Bakar bin Dato' Dagang Jati. Menurut cerita Dato Dagang Jati merupakan keturunan-keturunan dari Minangkabau yang telah menetap di Kuala Pilah kemudian datang ke Jelebu dan membuka kawasan petempatan di Kuala Klawang,Jelebu, Negeri sembilan.

**Responden 4**

Nama : Tok Batin Sulim Panglima Sang  
 Alamat : Kampung Parit Gong, Simpang Pertang,Jelebu,Negeri Sembilan.  
 Pekerjaan : Pesara Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ( JHEOA)  
 Tarikh temubual : 8. 11. 2001

**Pengalaman/ Isi kandungan/ Perbualan**

Beliau merupakan Ketua Batin Negeri Sembilan, Ketua Lembaga Adat Orang Asli, Penasihat Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia cawangan Negeri Sembilan. Beliau banyak menerangkan berkenaan penglibatan orang-orang asli di Jelebu dalam aspek sejarah, sosial dan politik.

### **Responden 5**

Nama : Ayof anak kepada Ekal  
 Alamat : No. 5 . Kampung Parit Gong, Simpang Pertang,Jelebu,  
 Negeri Sembilan.  
 Tarikh lahir : 22. 8. 1962  
 Pekerjaan : Guru  
 Tarikh temuramah : 18. 10. 2001

#### Pengalaman/ Isi kandungan/ Perbualan

Beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Putera, Jelebu, Negeri Sembilan. Sekolah ini merupakan sekolah orang Asli, dimana hampir sebahagian daripada anak-anak orang asli di Negeri Sembilan bersekolah di sekolah ini. Jawatan beliau dalam masyarakat orang Asli termasuklah Pengerusi Persatuan Orang Asli Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa Lembaga Adat Orang Asli dan Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Keturunan beliau adalah seperti berikut Ayof anak kepada Ekal anak kepada Gagak. Beliau menerangkan peranan orang asli dahulu dan sekarang, juga petempatan-petempatan orang-orang asli khususnya di Jelebu.

### **Penerbitan Radio**

Nama siaran : Radio Tiga Seremban  
 Nama rancangan : Dari Pekan ke Pekan  
 Masa siaran : 2.00 – 3.00 petang setiap hari Sabtu.

#### Isi kandungan


Rancangan ini mengundang Dato' Haji Sudin bin Kamari yang juga Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan merangkap Naib Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ( 1999/2000). Dalam rancangan yang disiarkan selama satu jam ini dibincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah Negeri Sembilan,Adat Perpatih dan peranan Undang/Penghulu Luak. Di samping itu pendengar boleh berinteraksi dengan tetamu undangan tersebut. Sebenarnya dari sinilah timbulnya minat dan idea penulis untuk menulis kertas projek ini.



## Lampiran I



**Y.T.M. DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN  
DATO' HAJI MUSA B. WAHAB, DTNS, PJK  
UNDANG LUAK JELEBU**

**UNDANG LUAK JELEBU KE 12**

**DATO' MENDIKA MENTERI AKHIRULZAMAN  
DATO' ABDULLAH BIN PANGLIMA MUDA**  
(Kembali Ke Rahmatullah pada Sept. 1945)

## DATO' LEMBAGA LUAK JELEBU

### A. Kepala Waris Bersalasilah Nan Dua atau Waris Negeri



1. Dato' Menteri Sah Mangku  
Alam Raja Sari.  
Dato' Seliba b. Sabtu  
(Waris Negeri)



2. Dato' Ombi Pangkal Maharaja  
Lela.  
Dato' Abd. Ghani bin  
Shahmaruddin  
(Waris Negeri)

## Lampiran 4

## B. Lembaga (adat) Nan Tiga



1. Dato' Mengiang Merah Bangsa  
Dato' Ahmad Abu Bakar  
(Allahyarham)  
(Suku Mungkal)

- 2 Dato' Cincang Maharajalela.  
Dato' Abd Rahman bin Sawun.  
(Suku Tanah Datar)



3. Dato' Senara Angsa  
Dato' Othman bin Yasin  
(suku Batu Belang)

## Lampiran 5

C. Kepala Waris Nan Tiga atau Waris Berundang

1. Dato' Raja Balang  
Dato' Haji Jamaludin bin A. Rahman  
(waris Ulu Jelebu)

2. Dato' Raja Penghulu  
Dato' Salleh b. Manaf  
(waris Sarin)



3. Dato' Maharaja Inda  
Dato' Haji Kamaruddin b. Haji Ahmad  
(waris Kemin)

**D. Orang Besar di bawah naungan Undang Luak Jelebu**



1. Dato' Shahbandar  
Dato' Harun bin Nain  
Pucuk Bulat Waris di Air  
Tumpuan Segala Dagang  
(suku Mungkal II)


2. Dato' Amar Penghulu  
Dato' Sharif bin Rashid  
(Lembaga Suku Biduanda  
Hulu Kelawang)

## LAMPIRAN 7

Empat daripada 9 tempat yang sama namanya dengan nama-nama suku Negeri Sembilan.



(1) (2)



(3) (4)



- Keterangan:** (1) Bergambar di hadapan Balai Adat di Simalanggang:  
 dari kiri: Penulis, Hj. Aziz Salleh dan Haji Ismail Hadi. (1987)  
 (2) Penulis dihadapan Masjid Tiga Batur.(1987)  
 (3) Hj. Ismail dan Hj. Aziz, Bergambar dekat papan tanda Mungka.(1988)  
 (4) Isteri penulis dengan dua orang gadis Tiga Ninik, (25.6.1992.)